

## Bab Kedua

### TULISAN SEJARAH ISLAM DI ALAM MELAYU

#### 1. PENGENALAN

Penulisan sejarah di kalangan orang Melayu dapat dilihat melalui periodisasi iaitu dari era historiografi tradisional Melayu, era kemerdekaan dan era penulisan sejarah secara rasmi oleh golongan-golongan profesional.<sup>1</sup> Penulisan sejarah secara ilmiah dan ikhtisas pada zaman kolonial didominasi oleh sarjana barat yang dilatih dalam kaedah kajian yang mengutamakan sumber rasmi dan bertulis yang kebanyakannya adalah rekod-rekod kolonial.

Kebanyakan pensejarahan moden di Malaysia pada peringkat awal, masih lagi dikongkong oleh perspektif barat dan diwarnai oleh kepentingan kolonial. Sejarah Malaysia dilihat sebagai sebahagian daripada sejarah empayar British, Belanda dan kolonialisme digambarkan sebagai daya penggerak sejarah positif yang membawa permodenan kepada masyarakat tempatan.<sup>2</sup>

Oleh itu, dalam menghuraikan mengenai tulisan Islam di Alam Melayu, bab ini akan merangkumi beberapa perkara tertentu yang membentuk disiplin ilmu tersebut. Antaranya termasuklah definisi sejarah, kritikan sumber sejarah dan juga penulisan sejarah Islam dan di Alam Melayu. Kesemua perkara tersebut adalah penting dalam pembentukan bab 2 ini. Oleh yang demikian, dalam bab ini penulis berusaha untuk menjelaskan dan menghuraikan mengenai apa yang dimaksudkan dengan tulisan sejarah Islam di Alam Melayu.

---

<sup>1</sup> Abdul Rahman Hj Ismail dan Badriyah Hj Salleh, *History Through the Eyes of the Malays : Changing Perspectives of Malaysia's Past*, (Singapore:University Press, 2003), 169-184.

<sup>2</sup> Tan Liok Ee, *Menulis Sejarah Malaysia:Beberapa Persoalan Tentang Pendekatan dan Kaedah Kajian*, (Singapore:University Press, 2003), 4.

## 2. DEFINISI SEJARAH

### 2.1 Definisi Sejarah Secara Umum

Sebelum kita ingin memasuki rumah, semoleknya kita membuka pintunya dahulu. Oleh itu, adalah wajar bagi penulis untuk membawa usaha ke arah mengenali sejarah dengan huraian terhadap takrif sejarah. Secara umumnya, sejarah adalah penyelidikan terhadap rekonstruksi masa lalu. Daripada kefahaman ini, ada yang menganggap sejarah itu sebagai peristiwa dunia lampau yang turut disamakan dengan berita lapuk dan usang.

Golongan pascamoden ini merasakan sejarah tidak mempunyai makna yang jelas, antaranya ialah Jacques Derrida<sup>3</sup> yang mengatakan “*there is nothing outside the text*”. Kata-kata sinis terhadap ilmu sejarah. Oleh itu, disini penulis memberi sedikit gambaran tentang apakah itu sejarah yang sememangnya penting dijadikan sebagai penyelidikan dan ianya bukan sekadar sesuatu yang lapuk dan usang.

Sejarah itu merupakan empiris. Bahasa Yunani menyebutnya sebagai *empeiria* iaitu sesuatu yang lahir daripada pengalaman manusia. Pengalaman itu dirakam dan ditulis kemudian dizahirkan dalam bentuk dokumen. Dokumen-dokumen itulah yang diteliti oleh sejarawan untuk menemukan fakta. Fakta-fakta itulah yang diinterpretasi. Kemudian, fakta-fakta yang diinterpretasi itu dijadikan tulisan sejarah.<sup>4</sup>

Istilah sejarah dari sudut etimologi di dalam Kamus Dewan, sejarah bererti sastera lama, asal-usul (keturunan), salasilah, peristiwa yang benar-benar berlaku pada waktu yang lampau, kisah, riwayat, dan tawārikh.<sup>5</sup>

---

<sup>3</sup> Beliau merupakan antara pemikir pascamoden iaitu satu kumpulan aliran falsafah yang lahir selepas zaman moden. Selain Derrida, terdapat beberapa pendukung lain aliran ini iaitu Michel Foucault, Jean Francois Lyotard dan Jean Baudrillard. Lihat Aliza Elias, “Objektiviti dan Pensejarahan” (Kertas Kerja Forum Serantau, ISTAC, 2 Julai 1996), 1.

<sup>4</sup> Kuntowijoyo, *Pengantar Ilmu Sejarah*, (Jogjakarta: Yayasan Benteng Budaya, 2001), 60.

<sup>5</sup> Noresah Baharom et. al. (eds.), *Kamus Dewan Edisi Keempat*, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007) ,1411.

Menurut R.O.Winstedt<sup>6</sup>, perkataan sejarah berasal dari bahasa Arab. Namun yang demikian, beliau tidak menyebut perkataan Arab yang merupakan asal kepada sejarah tersebut dan beliau telah mendefinisikan sejarah itu sebagai salasilah, tawārikh dan babad.<sup>7</sup>Babad<sup>8</sup> yang dimaksudkan dengan Kamus Dewan turut bererti sejarah, tambo dan riwayat.

Manakala istilah sejarah dalam Bahasa Inggeris ialah '*history*' yang berasal daripada perkataan Yunani, iaitu '*historia*' yang membawa maksud penyelidikan.<sup>9</sup> Penyelidikan tersebut bukan sahaja tentang peristiwa silam, malah tentang peristiwa semasa ataupun sezaman, juga ingatan seseorang penyelidik dan juga saksi sesuatu peristiwa yang diselidiki berdasarkan pemerhatian, pendengaran, dan penelitian.<sup>10</sup> Daripada perkataan ini, kemudiannya berkembang dan digunakan dalam bahasa-bahasa lain seperti '*histoire*' (Perancis) yang asalnya ditakrifkan sebagai cerita (*story*).<sup>11</sup> Menurut *The Oxford Reference Dictionary*, '*history*' bermaksud kajian terhadap peristiwa-peristiwa lalu khususnya yang melibatkan hal ehwal manusia.<sup>12</sup>

'*Tā'rikh*' dan '*tārikh*' pula merupakan dua perkataan yang digunakan dalam bahasa Arab. '*Tā'rikh*' juga didefinisikan sebagai catatan peristiwa yang dikaitkan dengan masa, waktu dan haribulan atau zaman. Manakala istilah '*tārikh*' pula

---

<sup>6</sup> Merupakan seorang orientalis (pengkaji Timur) dan pentadbir kolonial di Tanah Melayu khususnya. Banyak membuat kajian mengenai sejarah dan kesusasteraan alam Melayu termasuklah buku karangan beliau yang bertajuk 'Malaya' yang digunakan oleh Za'ba dalam menulis sejarah dalam Majalah Guru.

<sup>7</sup> R.O.Winstedt, *Kamus Bahasa Melayu*, (Kuala Lumpur: Marican & Sons Sdn.Bhd, 1970), 272. Lihat juga karangan R.O.Winstedt, *A Practical Modern Malay English Dictionary*, Edisi Keempat, (Kuala Lumpur: Marican & Sons Sdn.Bhd.), 166.

<sup>8</sup> Ranke (diberi jolokan bapa pensejarahan moden) telah meletakkan babad pada tahap yang paling bawah untuk dijadikan sebagai sumber sejarah kerana babad mengandungi maklumat sejarah yang agak meragukan dan sukar dipercayai lihat Arba'iyah Mohd Noor, *Ilmu Sejarah dan Pensejarahan*, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka,2002),18. Menurut Frederick J.Teggart, babad bererti satu rekod atau daftar kejadian-kejadian yang disusun mengikut urutan waktu yang tidak mempunyai ikatan dan perkembangan dalaman begitu juga dengan pandangan A.C. Danto yang melihat babad sebagai catatan tentang apa yang berlaku, dan tidak lebih dari itu lihat R.Suntharalingam, *Pengenalan Kepada Sejarah*, (Kuala Lumpur: Marican & Sons (M) Sdn. Bhd, 1985) ,7.

<sup>9</sup> Muhd Yusof Ibrahim, *Ilmu Sejarah: Flasafah, Pengertian dan Kaedah*, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1985) ,7 bagi perkataan '*historia*', Herodotus (digelar 'bapa sejarah') merupakan orang yang mula-mula menggunakan perkataan '*historia*' dalam karyanya iaitu *Histories* yang bermaksud penyelidikan atau penyiasatan terhadap segala peristiwa silam mahupun sezaman lihat R.Suntharalingam, *Pensejarahan Barat*, (Kuala Lumpur: Fajar Bakti,1993),1 dan rujuk juga Arba'iyah Mohd Noor, *Ilmu Sejarah dan Pensejarahan*, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka,2002),4.

<sup>10</sup> Arba'iyah Mohd Noor, *Ilmu Sejarah dan Pensejarahan*, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka,2002),65.

<sup>11</sup> Franz Rosenthal, *A History of Muslim Historiography*, (Leidin:E.J.Brill,1968),9.

<sup>12</sup> Joyce M.Hawkins (ed.), *The Oxford Reference Dictionary*, (Oxford:Clarendon Press, 1986),390.

digunapakai oleh bangsa Arab yang bermaksud sejarah secara umum, tahun-tahun dan kronologi. Jika dilihat kepada penulisan-penulisan sejarah yang hebat, perkataan ‘*tārīkh*’ digunapakai seperti *Tārīkh at-Tabarī*, *Tārīkh ar-Rusul wa’l-Muluk* dan *Tārīkh al-Andalus*.<sup>13</sup>

Di Alam Melayu pula, sesetengah sejarawan seperti Teuku Ibrahim Alfian dan Puan Husayn mengatakan kemungkinan sejarah berasal daripada perkataan Arab iaitu *syajaratun* yang bermaksud pohon atau pokok<sup>14</sup> yang akhirnya membawa erti salasilah, riwayat, keturunan, dan asal-usul. Jika dilihat, tiada satu istilah pun daripada perbendaharaan kata Melayu lama yang menggambarkan atau membawa kepada pengertian sejarah seperti yang kita fahami pada hari ini. Penggunaan perkataan seperti riwayat, salasilah, hikayat, tambo dan syair dalam tulisan-tulisan yang pernah dihasilkan bagi menerangkan maksud peristiwa yang telah berlaku.<sup>15</sup>

Menurut Al-Attas pula, beliau amat menitikberatkan penggunaan konsep peristilahan dasar atau kata kunci bagi sesuatu perkara termasuklah istilah sejarah. Beliau juga menyatakan bahawa dari sudut bahasa ianya adalah berasal daripada perkataan *shajarah* yang bermaksud pokok.<sup>16</sup> Penggunaan huruf ‘s’ berbanding ‘sh’ dalam sebutan sejarah menurut beliau adalah bagi memudahkan orang Melayu untuk menyebut istilah tersebut.

Dari sudut terminologi pula, terdapat banyak pandangan dan pendapat yang berbeza-beza daripada para sarjana mengenai sejarah sehingga berlakunya polemik

---

<sup>13</sup>Mahayudin Hj Yahaya, *Pengertian Sejarah Islam dan Permasalahannya*, (Kuala Lumpur : Penerbitan Sarjana (M) Sdn. Bhd, 1984), 32.

<sup>14</sup> Teuku Ibrahim Alfian, “Pengertian Kata Sejarah”, *Jurnal JEBAT*, Bil.2, 1972) lihat juga Puan Husayn, “*Teori dan Metode Sejarah*”, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1975).

<sup>15</sup> Khoo Kay Kim, “Panji-panji Gemerlapan: Satu Pembicaraan Pensejarahan Melayu”, *Syarah Perdana*, 25 Tahun Pertama, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1988, 338.

<sup>16</sup> Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Historical Fact and Fiction*, (Kuala Lumpur: Universiti Teknologi Malaysia, 2011), 72.

diantara mereka.<sup>17</sup> Sejarah mempunyai pengertian yang kompleks. Para sejarawan sama ada dari Timur dan Barat mempunyai tafsiran yang berbeza-beza tentang definisi sejarah.

Menurut E.H Carr<sup>18</sup> misalnya, sejarah adalah suatu dialog antara perkara yang telah berlaku pada masa lalu dengan masa kini. Sejarah juga merupakan interaksi antara sejarawan dengan fakta-faktanya, suatu dialog yang tidak berkesudahan di antara masa kini dengan masa lampau.<sup>19</sup> Di sini Carr cuba menunjukkan bahawa sejarah adalah suatu tindak balas pembaca dengan penulisan sesebuah karya sejarawan iaitu dari segi fakta-fakta yang dikemukakan.

Menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas juga, dapat disimpulkan secara menyeluruh daripada kajian ke atas karya-karyanya ialah suatu ilmu yang menerangkan tentang keadaan atau peristiwa masa lalu khususnya mengenai pencapaian sesebuah tamadun dan kebudayaan bangsanya, dan mempunyai disiplin kajian yang tersendiri yang perlu dipatuhi agar kebenaran yang ingin dikemukakan dapat dicapai. Beliau juga berpendapat bahawa sejarah merupakan bidang ilmu yang perlu diasingkan daripada ilmu yang lain terutamanya sains sosial.<sup>20</sup> Walaupun begitu, ianya tidaklah bermaksud bahawa ilmu sejarah tidak mempunyai kaitan dengan bidang-bidang ilmu yang lain seperti ilmu kemasyarakatan atau sains sosial, geografi dan sebagainya. Bahkan beliau menyatakan bahawa ilmu sejarah tidak akan sempurna dan lengkap tanpa wujudnya bidang-bidang ilmu tersebut.<sup>21</sup>

---

<sup>17</sup> Perdebatan ilmu sejarah bukan sahaja membincangkan mengenai kepentingan, metodologi, dan pensejarahan, malah juga dari sudut falsafah sejarah itu sendiri. Ini menunjukkan bahawa ilmu sejarah ini mendapat perhatian secara kritikal dari pelbagai pihak.

<sup>18</sup> Seorang tokoh sejarawan yang banyak menulis mengenai falsafah dan sudut pentafsiran sejarah. Buku hasil pena beliau yang terkenal ialah *What is History*

<sup>19</sup> E.H.Carr, *What is History*, (London:Penguin Books Ltd., 1980) ,30.

<sup>20</sup> Syed Muhammad Naquib al-Attas, "Historical Fact and Fiction", (Syarahan di Dewan Jumaah, UTM, 26 November 2011, jam 9.00-11.00pm).

<sup>21</sup> Siti Nor Aisyah Ngadiran, "Konsep Sejarah Menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas: Kajian Terhadap Karya-Karya Terpilih" (disertasi, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2012), 130.

Ibn Khaldun, seorang sejarawan Islam (kurun ke-14 M), telah mentakrifkan sejarah sebagai catatan dan maklumat tentang sesuatu organisasi manusia dan ia serupa dengan peradaban dunia.<sup>22</sup> Beliau menyentuh terhadap perubahan yang berlaku dalam sifat-sifat manusia seperti keramahan, kebiadaban dan pemberontakan oleh segolongan manusia terhadap manusia lain.

Menurut Sidi Ghazalba<sup>23</sup> pula, beliau telah memberi 4 pengertian sejarah iaitu:

1. Sejarah sebagai sesuatu yang berlalu, satu peristiwa, satu kejadian
2. Sejarah sebagai riwayat dan peristiwa yang telah berlalu
3. Sejarah sebagai pengetahuan pada masa lalu
4. Sejarah sebagai ilmu yang berusaha menentukan dan mewariskan ilmu pengetahuan.<sup>24</sup>

Beliau telah menerangkan maksud sejarah dengan ringkas dan padat. Pengertian yang diberikan itu tidak lari dari garis panduan pengertian sejarah yang diberikan oleh Garraghan<sup>25</sup>:

*“...Istilah sejarah itu membawa tiga pengertian atau konsep yang berkait rapat tetapi sangat berbeza antara satu sama lain.”<sup>26</sup>*

- 1) Sejarah ialah peristiwa masa lampau yang sebenarnya berlaku
- 2) Catatan tentang sesuatu peristiwa
- 3) Proses atau teknik membuat catatan peristiwa yang berlaku

---

<sup>22</sup> Ibn Khaldun, *Muqaddimah*, terj. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002), Pengenalan dan lihat juga Osman Bakar et.al., *Tamadun Islam dan Tamadun Asia*, (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2009).

<sup>23</sup> Beliau adalah seorang sejarawan dari Indonesia.

<sup>24</sup> Sidi Ghazalba, *Pengantar Sejarah Sebagai Ilmu*, (Jakarta : Bhrata, 1966), 2.

<sup>25</sup> Gilbert J. Garraghan merupakan seorang sejarawan barat yang banyak memberikan pandangan beliau mengenai konsep sejarah.

<sup>26</sup> Gilbert J. Garraghan, *A Guide to Historical Method*, (New York: Fodham University Press, 1946), 2.

Berbeza pula dengan Sartono Kartodirdjo<sup>27</sup> yang membahagikan pengertian sejarah kepada dua bahagian iaitu sejarah dalam erti kata yang subjektif dan objektif. Maksud subjektif menurut beliau ialah, suatu binaan peristiwa yang disusun oleh penulis sebagai satu cerita atau huraian. Cerita itu pula merangkumi fakta-fakta untuk menggambarkan suatu bentuk atau gejala sejarah, baik dari segi proses mahupun strukturnya.<sup>28</sup>

Manakala sejarah dalam erti kata objektif pula merujuk kepada kejadian atau peristiwa itu sendiri iaitu proses sejarah dalam keadaan yang sebenarnya berlaku.<sup>29</sup> Aliran sejarah objektif ini diasaskan oleh Leopold von Ranke<sup>30</sup> pada abad ke-19. Ranke mengatakan bahawa matlamat pengajian sejarah adalah dengan menulis peristiwa yang sebenarnya berlaku berdasarkan fakta daripada sumber asli iaitu berasaskan kepada fakta-fakta dan dokumen-dokumen yang dikaji secara saintifik.<sup>31</sup>

Ramai penulis sejarah menggunakan istilah sejarah untuk menunjukkan cerita sejarah, pengetahuan sejarah atau gambaran sejarah yang semuanya itu sebenarnya adalah sejarah dalam erti kata yang subjektif. Secara umumnya, sejarah bermaksud penyelidikan terhadap peristiwa lalu. Segala rekod dan peristiwa yang telah berlaku itu biasanya dianggap sejarah.

---

<sup>27</sup> Seorang tokoh sejarawan dari Indonesia dan mantan Dekan di Fakultas Sejarah, Universitas Gadjah Mada, Yogyakarta

<sup>28</sup> Arba'iyah Mohd Noor, *Ilmu Sejarah dan Pensejarahan*, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002), 6.

<sup>29</sup> Sartono Kartodirdjo, *Pendekatan Ilmu Sosial dalam Metodologi Sejarah*, (Jakarta: Gramedia Pustaka Utama, 1993), 15.

<sup>30</sup> Beliau merupakan antara penentang kuat Revolusi Perancis yang membawa kepada pendudukan Perancis di Jerman. Beliau telah menerbitkan 60 jilid karya. Karyanya yang pertama iaitu *Histories of the Latin and Germanic Nations from 1494-1514*

<sup>31</sup> Powel.J.M. (ed.), *Leopold von Ranke and the Shaping of Historical Discipline*, (New York: Syracuse University Press, 1990), 45-47 lihat juga Muhd Yusof Ibrahim, *Aspek dan Perkembangan Falsafah Sejarah Dunia Barat*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991) juga Arba'iyah Mohd Noor, *Ilmu Sejarah dan Pensejarahan*, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002), 94 dan Muhd Yusof Ibrahim, *Ilmu Sejarah: Falsafah, Pengertian dan Kaedah*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000), 22.

## 2.2 Definisi Sejarah yang diambil dari Akhbar dan Majalah Melayu

Definisi sejarah juga banyak diterangkan dalam penulisan makalah yang terdapat di dalam akhbar dan majalah Melayu sebelum merdeka. Ini menunjukkan terdapatnya kesedaran sejarah di kalangan masyarakat Melayu pada masa itu. Contohnya seperti Al-Imam, Neraca, Pengasuh, Al-Hikmah, Majalah Guru, Edaran Zaman dan banyak lagi.<sup>32</sup>

Contohnya seperti hasil pena Syamsuddin b Mohd Yunus didalam makalah yang berjudul “*Tarikh*” dan diterbitkan di dalam akhbar mingguan Edaran Zaman.<sup>33</sup> Beliau mentakrifkan “*Tarikh*” itu sebagai:

*“...suatu daripada ilmu-ilmu yang sangat memberi manfaat. Maka setengah daripada pekerjaannya itu adalah menghuraikan kepada kita hal-hal kejadian yang telah lalu berkenaan dengan manusia sama ada ia tertulis di dalam kitab atau didapati dari lain warita<sup>34</sup>, maka di dalam tiap-tiap rencana yang membentangkan hal ehwal umat-umat yang telah lalu berkenaan dengan manusia, akan terdapat dua jenis perhatian; yang satu itu selidik atau menyiasat dan lagi satu itu pula mementingkan pendapat atau keputusan takkik.<sup>35</sup> Sanya<sup>36</sup> tarikh itu bolehlah dimisalkan suatu rantai yang berumbai-umbai dengan cincin kejadian dan sebabnya dan lagi ialah suatu cermin di mana dapat kita melihat kekurangan atau cacat yang ada pada tubuh kita supaya dapatlah kita berikhtiar tentang menjalankan kewajipan kita mudah-mudahan merasailah kita kemah-kemah yang terpuji dan cita-cita yang sempurna...”<sup>37</sup>*

Walaupun jumlah makalah yang menulis tentang sejarah adalah sedikit bilangannya, akan tetapi nukilan-nukilan tentang takrif sejarah itu memang banyak dimuatkan di dalam makalah-makalah pensejarahan atas kesedaran sejarah bagi orang Melayu pada ketika itu.

---

<sup>32</sup> Daripada bilangan majalah dan akhbar yang disebutkan oleh penulis diatas, tidak semua penulis melihat mengenai takrif sejarah yang ditulis oleh penulis di dalam majalah tersebut. Hanya sebilangan kecil sahaja yang mampu penulis lakukan. Ini adalah kerana kesukaran untuk mendapatkan kesemua majalah tersebut.

<sup>33</sup> Ditulis juga sebagai Idaran Zaman. Diterbitkan di Pulau Pinang pada 1 Januari 1925- Januari 1930 dan naskhahnya tersimpan di Universiti Malaya dalam bentuk Mikrofilem 746 dan juga di Arkib Negara.

<sup>34</sup> Warita bermaksud berita, cerita, khabar atau warta. Kamus Dewan, ed. Ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 1802, entri “warita”.

<sup>35</sup> Sebenarnya tahkik yang bermaksud pengesahan kebenaran yang berserta dengan bukti

<sup>36</sup> Maksud sanya adalah sesungguhnya atau sebenarnya. Kamus Dewan, ed. Ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 1390, entri “sanya”.

<sup>37</sup> Ayat di atas ditulis mengikut terjemahan daripada tulisan jawi lama. Syamsuddin b Mohd Yunus (1926) “*Tarikh*”. *Edaran Zaman*, 7 Januari, 10.



Kebanyakan dari takrif yang dimuatkan dalam akhbar dan majalah tersebut, diselitkan sekali tentang kepentingan sejarah itu sendiri. Misalnya di dalam Al-Imam, penulis mengatakan bahawa ilmu tarikh itu patut diketahui;

*“...kerana ialah ilmu yang merupakan segala hawadith (peristiwa) yang telah lalu...”<sup>38</sup>*

Di dalam akhbar mingguan Neraca<sup>39</sup> pula dimuatkan kenyataan bahawa sekiranya tiada *tārīkh*, maka tiadalah diketahui keadaan kaum dahulu kala.<sup>40</sup> Manakala Majalah Pengasuh pula memuatkan pengertian sejarah yang agak kompleks iaitu:

*“...maka jadilah tārīkh itu pada tempat ini seolah-olah kebangkitan yang baru bagi sekalian umat dan kitab tauladan dan buku pelajaran...dan diterangkan ia oleh fikiran bagaimana yang diertikan oleh Pendeta Roman yang masyur Syisron al-Khatib dengan katanya tārīkh itulah saksi masa dan hakikat yang benar dan madrasah kehidupan dan utusan orang yang dahulu kala kepada orang yang kemudian. Atau katakanlah ia guru sekalian raja-raja, pengajar sekalian sultan, pemimpin sekalian rakyat ke jalan keutuhan ke lorong kebetulan, pengingat yang berguna, penyeru yang kuat suara dan pengejut yang memberi bekas...”<sup>41</sup>*

Begitu jugalah dengan pengertian atau definisi yang dimuatkan dalam beberapa akhbar dan majalah yang lain, kesimpulan yang dapat penulis simpulkan ialah keseluruhannya boleh dikatakan memuatkan pengertian bahawa sejarah itu adalah ilmu yang mengkaji atau memperkatakan tentang masa lalu dengan faedah mempelajari sejarah itu sendiri.

---

<sup>38</sup> Al- Tārīkh al-Islami, *Al-Imam*, 23 Julai 1906, 1.

<sup>39</sup> Ditebitkan di Singapura pada bulan Jun 1911 dan berhenti pengeluarannya pada tahun 1915. Naskahnya tersimpan juga di Universiti Melaya dalam bentuk Mikrofilem 738 dan juga di Dewan Bahasa dan Pustaka.

<sup>40</sup> *Neraca*, 19 November 1912.

<sup>41</sup> Ayat di atas ditulis mengikut terjemahan daripada tulisan jawi lama. Muhammad al-Jauhari “Pengingat dan Permohonan”. *Pengasuh*, 22 Ogos 1918, 3.

### 3. SUMBER SEJARAH

Istilah ‘sumber’ dalam sejarah kerap digunakan sebagai punca, dokumen, atau rekod. Merujuk kepada *The Oxford Reference Dictionary*, sumber atau ‘source’ bermaksud sebuah karya dan lain-lain yang menyediakan maklumat atau bukti (khusus yang bersifat tulen atau asli) berkenaan sesuatu fakta, kejadian, atau sesuatu perkara tersebut.<sup>42</sup>

‘Bersumber’ ialah berasas dan bersandarkan konsep sejarah, iaitu kepada peristiwa yang berunsurkan kebenaran hakiki sepertimana ia berlaku. Dalam kata lain ialah berdasarkan fakta sebenar. ‘Bersumberkan’ bermaksud mempunyai sesuatu bahan sebagai sumber contohnya seperti buku yang ditulis yang berkaitan falsafah Yunani atau kita tidak dapat menafikan lagi bahawa undang-undang akhlak yang semulia-mulianya adalah berdasarkan al-Quran dan sunnah.

Sumber ialah bahan kajian yang sangat rapat dengan usaha penyelidikan sejarah. Ia merupakan bahan yang sangat penting, iaitu bahan asasi bagi penyelidikan sejarah yang boleh diertikan sebagai mencari dan mentafsirkan sumber. Menurut Ishak Saat<sup>43</sup>, sumber sejarah bererti ‘punca’ ataupun ‘bahan’ ataupun ‘rujukan’ yang mesti dicari dan diguna atau ditafsir oleh sejarawan untuk mendapatkan bukti ataupun maklumat bagi sesuatu peristiwa yang dikaji.<sup>44</sup>

Menurut R.G.Collingwood dalam bukunya *The Idea of History*, sumber sejarah bermaksud “...source containing ready-made statements...” iaitu merujuk kepada segala sesuatu yang mengandungi maklumat sejarah di dalamnya. Sumber tersebut

---

<sup>42</sup> Joyce M.Hawkins (ed.), *The Oxford Reference Dictionary*, (Oxford:Clarendon Press, 1986), 789.

<sup>43</sup> Beliau aktif menghasilkan buku ilmiah seperti *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia* (2005), *Sejarah Sosiobudaya Melayu* (2006), *Ilmu Sejarah : antara Tradisi dan Moden* (2007) dan banyak lagi. Beliau sangat aktif dalam penulisan buku-buku sejarah sama ada untuk golongan mahasiswa, umum ataupun pelajar-pelajar sekolah.

<sup>44</sup> Ishak Saat, *Penulisan Sejarah*, (Kuala Lumpur:Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2010), 7.

boleh didapati dalam dua bentuk iaitu sumber bertulis dan tidak bertulis. Louis Gottschalk dalam karyanya yang berjudul “Understanding History” mengatakan bahawa sumber sejarah adalah suatu proses meneliti dan menganalisis secara kritis tentang catatan dan tinggalan masa lalu.<sup>45</sup> Dengan kata lain, apa-apa yang dianalisis dan diteliti itu ialah sumber-sumber kajian sejarah itu sendiri. Pandangan Gottschalk tentang sumber sejarah ini diakui dan disokong oleh para sejarawan yang lain.

Maka dalam bidang sejarah khususnya, sumber boleh didefinisikan sebagai dokumen yang mencakupi bukan sahaja bahan-bahan bertulis bahkan kesan-kesan peninggalan lama seperti duit syiling, batu nisan, batu bersurat, dan sebagainya.

### **3.1 Pembahagian Sumber Sejarah**

Sebagaimana yang kita sedia maklum, para ahli sejarah menggunakan berbagai jenis sumber ketika menjalankan penyelidikan mereka. Di antara sumber-sumber yang lazim digunakan oleh ahli sejarah ialah rekod kerajaan, rekod swasta, sumber peribadi, akhbar, sumber lisan, sumber sastera, hikayat, babad, kitab agama, inskripsi dan kesan-kesan peninggalan lama.<sup>46</sup>

Pemilihan sumber adalah penting. Hal ini adalah sebagaimana yang dikatakan oleh Muhd Yusof Ibrahim bahawa sumber merupakan sesuatu yang boleh menjadi punca kepada kelahiran sesuatu pemikiran atau penulisan. Maka disini, secara umumnya sumber sejarah dapat dikelaskan kepada dua kategori utama iaitu sumber primer dan sekunder.<sup>47</sup> Walau bagaimanapun, Ishak Saat mengkategorikan sumber kepada tiga kategori iaitu, sumber primer, sekunder dan sumber lisan.<sup>48</sup>

---

<sup>45</sup> Louis Gottschalk, *Understanding History ; A Primer of Historical Method* (2<sup>nd</sup> Edition), (New York: Alfred A. Knopf, 1969), 2.

<sup>46</sup> R.Suntharalingam, *Pengenalan Kepada Sejarah*, (Kuala Lumpur: Marican & Sons (M) Sdn. Bhd, 1985), 31.

<sup>47</sup> Abdul Rahman Haji Abdullah, *Pengantar Ilmu Sejarah*, (Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006) ,74.

<sup>48</sup> Ishak Saat, *Penulisan Sejarah*, (Kuala Lumpur:Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2010), 8.

Berbeza dengan pandangan Tatiana A. Denisova pembahagian sumber sejarah dikelaskan kepada sumber primer dan sekunder manakala sumber lisan boleh tergolong dalam sumber primer atau sekunder. Contohnya seperti seorang saksi yang melihat sesuatu peristiwa dan beliau dianggap sumber primer, sekiranya seorang saksi menceritakan kepada orang lain mengenai peristiwa tersebut, kemudian orang yang kedua ini menceritakan kepada orang ketiga bermakna sumber lisan orang kedua ini merupakan sumber sekunder.<sup>49</sup>

### 3.1.1 Sumber Primer

Sumber primer (awalan) merupakan alat yang penting kepada ahli sejarah terutamanya bagi membina pentafsiran dan hujah-hujah yang boleh menyokong penulisan dan pentafsiran mereka. Di samping itu, penggunaannya juga dapat menjelaskan tentang kebenaran sejarah dari sudut keabsahan (*validity*) dan ketepatan fakta sejarah. Bahkan penulisan sejarah yang menggunakan sumber daripada jenis ini juga akan dijadikan rujukan utama kepada ahli sejarah lain apabila mereka melakukan kajian sejarah yang seterusnya.

Menurut Muhd Yusof Ibrahim, sumber primer ialah sumber yang biasanya dalam keadaan asli atau belum ditafsir dan diperlengkapkan lagi. Contoh sumber pertama adalah seperti surat tidak rasmi ataupun surat rasmi, catatan dan laporan harian, diari dan dokumen. Bahan-bahan ini menjadi sumber utama disebabkan keadaannya sendiri yang merupakan sumber yang pertama mencatat sesuatu peristiwa yang berlaku.<sup>50</sup>

---

<sup>49</sup> Tatiana A. Denisova (Profesor Madya, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), dalam temubual dengan penulis, 22 Mac 2013.

<sup>50</sup> Muhd Yusof Ibrahim, *Pengertian Sejarah, Beberapa Perbahasan Mengenai Teori dan Kaedah*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1986), 67.

Menurut L.Gottschalk, sumber pertama ialah merujuk kepada keterangan dari seseorang saksi, iaitu seseorang yang hadir didalam kejadian-kejadian dimana saksi itu melihat dengan penglihatannya sendiri.<sup>51</sup> Pendapat Gottschalk ini dipertikaikan oleh Arthur Marwick yang menyifatkan sumber pertama sebagai bahan-bahan yang wujud dalam keadaan mentah, asas dan tidak sempurna atau sumber yang masih belum diproses oleh ahli sejarah yang lain. Pendapat Arthur ini disokong oleh R.Suntharalingam dalam bukunya yang bertajuk 'Pengenalan Kepada Sejarah'.<sup>52</sup>

Ahli sejarah Yunani seperti Herodotus dan Thucydides telah memandang tinggi sumber lisan berbanding dengan babad dan inskripsi. Para ahli sejarah Kristian seperti Sextus Julius Africanus dan Eusebius pula telah melihat kitab Injil sebagai lebih penting daripada sumber-sumber yang lain. Manakala Ranke menjadikan rekod kerajaan sebagai sumber yang paling tulen dan lengkap.<sup>53</sup> Walau bagaimanapun, kepentingan sesuatu sumber itu ditentukan oleh tajuk yang dikaji oleh ahli sejarah.

Bagi pendukung agama yang komited, sumber wahyu merupakan sumber pengetahuan yang terpenting dalam tradisi agama-agama besar khususnya agama-agama *samawi* seperti agama Islam, Kristian dan Yahudi. Sumber wahyulah yang paling diyakini kebenarannya, sedangkan sumber-sumber lain masih boleh dipersoalkan kebenarannya.<sup>54</sup>

Secara umumnya, sumber primer tidak akan memberikan sebarang makna sekiranya ahli sejarah tidak melakukan proses tafsiran keatas sumber tersebut. Justeru bagi ahli sejarah, mereka perlu meneliti bahan-bahan yang berkaitan dan membuat

---

<sup>51</sup> Louis Gottschalk, *Understanding History ; A Primer of Historical Method* (2<sup>nd</sup> Edition), (New York: Alfred A. Knopf, 1969) , 7-8.

<sup>52</sup> R.Suntharalingam, *Pengenalan Kepada Sejarah*, (Kuala Lumpur: Marican & Sons (M) Sdn. Bhd, 1985), 30 dan lihat juga Qasim Ahmad, "Sumber, Pengesahan Fakta dan Pentafsiran Sejarah", dalam Abu Talib Ahmad dan Cheah Boon Kheng (peny.), *Isu-isu pensejarahan*, (Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 1995) , 61.

<sup>53</sup> R.Suntharalingam, *Pengenalan Kepada Sejarah*, (Kuala Lumpur: Marican & Sons (M) Sdn. Bhd, 1985),35.

<sup>54</sup> Abdul Rahman Haji Abdullah, *Wacana Falsafah Sejarah Perspektif Barat dan Timur*, (Kuala Lumpur:Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2000), 73.

pemeriksaan ke atas setiap sumber. Begitu juga dengan mengambil peluang tentang semua saranan, kritikan, dan pandangan yang dibuat oleh ahli sejarah lain yang mengkaji dokumen tersebut.

### 3.1.2 Sumber Sekunder

Sumber sekunder terdiri daripada bahan yang dikaji melalui pembacaan bahan bertulis, iaitu maklumat yang dikaji melalui pembacaan bahan bertulis, iaitu maklumat yang telah dicatatkan di tempat lain.<sup>55</sup> Secara asasnya, sumber sekunder merupakan tafsiran, penyeluruhan, kesimpulan atau andaian yang dilakukan oleh pengkaji sejarah terhadap perkara-perkara yang dikajinya dengan bersandarkan sumber utama atau primer yang berkaitan. Dengan kata lain, ia juga merupakan sumber-sumber sejarah yang telah diproses, ditafsir dan dinilai oleh ahli sejarah daripada ianya berbentuk primer kepada bentuk sekunder.<sup>56</sup>

Menurut Arba'iyah Mohd Noor, sumber kedua ini dirujuk atau digunakan oleh para penyelidik untuk mengukuhkan sesuatu hujah mereka. Contoh sumber kedua ialah buku, majalah, akhbar, disertasi atau tesis.<sup>57</sup> Menurut Ishak Saat pula, sumber sekunder ini merangkumi buku, majalah, jurnal, blog, ensiklopedia, akhbar, risalah dan laporan tahunan jabatan. Sumber kedua merupakan bahan yang telah diolah, dicetak dan disebarikan serta ditafsirkan kepada umum, contohnya *Ensiklopedia Britannica*, manuskrip yang sudah dicetak, ulasan majalah berhubung sesuatu perkara dan buku sejarah yang ditulis oleh sejarawan tempatan mahupun Barat.<sup>58</sup>

---

<sup>55</sup> Ishak Saat, *Penulisan Sejarah*, (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2010), 15.

<sup>56</sup> Siti Nor Aisyah Binti Ngadiran, "Konsep Sejarah Menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas : Kajian terhadap Karya-karya Terpilih" (Disertasi, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2012), 48.

<sup>57</sup> Arba'iyah Mohd Noor, *Ilmu Sejarah dan Pensejarahan*, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002), 51 dan lihat juga Arba'iyah Mohd Noor, "Pendekatan dan Sumber dalam Sejarah Melayu dan Misa Melayu", dalam Danny Wong Tze Ken et. al., (peny.), *Sejarah Sumber dan Pendekatan*, (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2006).

<sup>58</sup> Ishak Saat, *Penulisan Sejarah*, (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2010), 15-16.

Pendapat Louis Gottschalk pula mengenai sumber sekunder, beliau mengatakan bahawa sumber sekunder adalah sumber yang berbentuk catatan yang dihasilkan oleh seseorang yang bukan saksi iaitu seseorang yang tidak hadir semasa kejadian berlaku.<sup>59</sup> Ia dikenali sebagai sumber kedua (*second hand sources*). Contoh sumber sekunder yang boleh didapati kini termasuklah ensiklopedia dan jurnal-jurnal dalam pelbagai bidang seperti sejarah, sosial, ekonomi dan sebagainya seperti *Jurnal Arkeologi*, dan *Malaysia in History*.<sup>60</sup> Menurut Suntharalingam, pendapat Gottschalk ini menimbulkan kerumitan dalam menentukan sumber primer dan sekunder. Penekanan kepada ukuran ‘saksi’ dalam menentukan perbezaan di antara sumber primer dan sekunder adalah rumit berbanding dengan pendapat Marwick dalam pengelasan sumber primer dan sekunder.<sup>61</sup>

Lazimnya, sumber sekunder ini digunakan oleh para sejarawan sebagai kajian awal (*literature review*) di mana sumber-sumber seperti rencana, jurnal, dan buku-buku dirujuk apabila ingin melakukan penulisan atau pengkajian sesuatu peristiwa sejarah. Tindakan ini akan memberikan gambaran awal kepada pengkaji mengenai sesuatu peristiwa atau perkara berdasarkan kajian terdahulu.<sup>62</sup>

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa sumber sekunder atau kedua ini dapat diertikan sebagai suatu kajian atau penulisan yang telah dilaksanakan oleh seseorang mahupun sesuatu kumpulan, tentang sesuatu peristiwa, tokoh-tokoh dan sebagainya. Sumber sekunder ini merupakan tafsiran, penyeluruhan, kesimpulan dan malahan andaian yang dibuat oleh seseorang pengkaji terhadap perkara-perkara yang dikajinya dengan bersandarkan sumber utama yang berkaitan. Sumber ini juga digunakan oleh

---

<sup>59</sup> Louis Gottschalk, *Understanding History ; A Primer of Historical Method* (2<sup>nd</sup> Edition), (New York: Alfred A. Knopf, 1969), 53 dan lihat juga R.Suntharalingam, *Pengenalan Kepada Sejarah*, (Kuala Lumpur: Marican & Sons (M) Sdn. Bhd, 1985), 30.

<sup>60</sup> Louis Gottschalk (1969), *Ibid*

<sup>61</sup> R.Suntharalingam (1985), *Ibid*

<sup>62</sup> Siti Nor Aisyah Binti Ngadiran, “Konsep Sejarah Menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas : Kajian terhadap Karya-karya Terpilih” (Disertasi, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2012), 49.

para penyelidik lain, sama ada sebagai rujukan, bandingan, mahupun sebagai ungkapan bagi mengukuhkan pandangan serta tafsirannya terhadap perkara yang dikaji.

### 3.2 Kritikan Sumber

Sejarawan perlu memandang sesuatu sumber itu secara kritis kerana sumber yang telah diuji kebenarannya merupakan perkara yang amat penting dalam sejarah berbeza dengan penulisan sastera yang kreatif. Sejarah bukanlah hanya sekadar mengumpul bahan sejarah lama semata-mata, tetapi kandungannya perlu dikaji, dinilai dan diberi perhatian agar dapat dijadikan panduan untuk generasi yang akan datang.<sup>63</sup> Maka istilah ‘kritikan sumber’ ini bermaksud sebagai satu garis panduan yang dapat membantu ahli sejarah untuk mentafsir sumber-sumber sejarah yang bersifat asli dan tulen bagi menghasilkan karya sejarah yang berkualiti dan mencapai tahap kebenaran sahaja.<sup>64</sup>

Herodotus yang dianggap sebagai sejarawan awal (bapa sejarah) telah menghasilkan karya yang terkenal iaitu *Histories*. Kebanyakan sejarah yang ditulisnya berdasarkan sumber daripada maklumat yang didengar dari orang ramai yang terlibat dalam sesuatu kejadian atau peristiwa sejarah itu. Maka ramailah sejarawan yang menggunakan sumber Herodotus tanpa mengkritiknya kerana dirasakan sumber tersebut telah pasti dan tepat.<sup>65</sup>

Keadaan ini berlanjutan sehinggalah wujudnya kesedaran sejarah di kalangan golongan intelektual dengan melakukan kritikan terhadap kebenaran sumber sejarah tersebut. Menurut Marc Bloch (1886-1944)<sup>66</sup>, proses kritikan ini berpunca daripada

---

<sup>63</sup> Arba'iyah Mohd Noor, *Ilmu Sejarah dan Pensejarahan*, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002), 56.

<sup>64</sup> Rozeman Abu Hassan, *Mengenal dan Mentafsir Sumber-sumber Sejarah*, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004) , 37.

<sup>65</sup> Arba'iyah Mohd Noor, *Ilmu Sejarah dan Pensejarahan*, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002), 57.

<sup>66</sup> Nama sebenar beliau ialah Marc Léopold Benjamin Bloch merupakan sejarawan daripada Perancis yang berbangsa Yahudi.



sikap kesangsian sejarawan terhadap keterangan-keterangan yang diberikan oleh saksi-saksi pada masa lampau, dan antara tokoh besar yang membahaskan mengenai kesangsian ini termasuklah Imam al-Ghazālī (1058-1111 M) dan kemudiannya diperkembangkan oleh Descartes (1596-1650 M).<sup>67</sup> Manakala tokoh sejarawan yang benar-benar meletakkan asas-asas kritikan sumber sejarah secara sistematik pula ialah Ernst Bernheim (1889 M) yang telah membahagikan kritikan sumber ini kepada dua jenis iaitu kritikan luaran dan dalaman.<sup>68</sup>

Berdasarkan pendapat sesetengah sejarawan Barat, kritikan sejarah bermula setelah berlakunya Zaman Kesedaran di Eropah<sup>69</sup> pada sekitar abad ke-18 dan bahan kritikan ini ditulis oleh mereka pada sekitar abad ke-19. Bagi sejarawan Islam, kritikan terhadap sejarah Islam telah bermula sejak tahun pertama kelahiran negara Islam lagi. Ini adalah kerana kritikan merupakan satu daripada topik utama dalam perbincangan pengetahuan ilmu-ilmu Islam, iaitu kritikan dengan menggunakan kaedah Islam yang digunakan dalam pelbagai disiplin moden hari ini.<sup>70</sup>

### **3.2.1 Kritikan Luaran**

Kritikan luaran ini bermaksud, usaha mengesahkan ketulenan, kesahihan atau keaslian (*authentic and genuine*) sesuatu sumber asli itu.<sup>71</sup> Langkah pertama ialah membuat pentafsiran terhadap dokumen sejarah kerana dokumen sejarah perlu disahkan akan kebenaran dan kesahihannya. Kebanyakan sejarawan tradisi dalam mana-mana tamadun pada peringkat awalnya boleh dikatakan menulis sejarah tanpa menumpukan kesahihan terhadap sumber yang digunakan.

---

<sup>67</sup> Nama sebenar beliau ialah René Descartes merupakan seorang ahli falsafah dan sejarah dari Perancis, lihat Abdul Rahman Haji Abdullah, *Pengantar Ilmu Sejarah*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006), 76.

<sup>68</sup> *Ibid*

<sup>69</sup> Pada Zaman Kesedaran ini gerakan dan perjuangan untuk mensekularkan pemikiran manusia berlaku dengan hebatnya terutama di kalangan para filosofi Perancis yang menjadi pendokong pada zaman ini. Lihat Muhd Yusof Ibrahim, *Aspek dan Perkembangan Falsafah Sejarah Dunia Barat*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan pustaka, 1991), 87.

<sup>70</sup> Arba'iyah Mohd Noor, *Ilmu Sejarah dan Pensejarahan*, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002), 57.

<sup>71</sup> R. Suntharalingam, *Pengenalan Kepada Sejarah*, (Kuala Lumpur: Marican & Sons (M) Sdn. Bhd., 1985), 36.

Berbeza dengan tradisi pensejarahan Islam, dari awal lagi telah memberi perhatian terhadap perkara ini sejak abad ke-3 lagi. Kaedah yang digunakan oleh para muhadisun dalam mencari sumber sejarah agar sejarah yang dihasilkan itu adalah sejarah yang benar-benar jelas dan tepat faktanya.<sup>72</sup> Berlainan pula dengan sejarawan Barat yang mengatakan bahawa kritikan sejarah terhadap sumber sejarah telah bermula pada zaman kesedaran oleh Leopold von Ranke pada abad ke-19.<sup>73</sup>

Sebagaimana yang diakui oleh para sejarawan, terdapat beberapa cara yang dapat memastikan ketulenan sesuatu dokumen seperti ujian kimia, ujian bahasa, ujian tulisan tangan dan ujian bahan-bahan yang digunakan dalam buatan dokumen itu. Kaedah yang pertama ialah dengan melakukan ujian kimia yang bertujuan untuk menentukan umur sebenar sesuatu dokumen tersebut. Walau bagaimanapun, ahli sejarah akan berhadapan dengan dokumen-dokumen sejarah yang terlalu lama usianya dan rosak dari segi fizikalnya. Pakar-pakar kimia akan memastikan sama ada dokumen tersebut benar-benar dikeluarkan pada masa yang didakwa oleh pihak-pihak yang memilikinya. Perkara-perkara yang dilihat termasuklah keadaan kertas, dakwat, dan cap yang digunakan. Kemahiran seperti ini jarang dimiliki oleh ahli sejarah dan menuntut agar meminta bantuan kepakaran daripada bidang lain.<sup>74</sup>

Di samping ujian kimia, ketulenan sesuatu dokumen boleh dilihat dan disahkan melalui ujian bahasa. Umum mengetahui bahawa gaya bahasa sentiasa berubah mengikut periodisasi. Ini dapat dibuktikan jika kita melihat gaya tulisan Bahasa Malaysia dalam awal tahun 1920an berbanding dengan gaya tulisan kini.<sup>75</sup> Jurang

---

<sup>72</sup> Arba'iyah Mohd Noor, *Ilmu Sejarah dan Pensejarahan*, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002), 58.

<sup>73</sup> *Ibid*

<sup>74</sup> Rozeman Abu Hassan, *Mengenali dan Mentafsir Sumber-sumber Sejarah*, (Kuala Lumpur: Karisma Publication, 2004), 43 dan lihat juga R. Suntharalingam, *Pengenalan Kepada Sejarah*, (Kuala Lumpur: Marican & Sons (M) Sdn. Bhd., 1985), 36-37.

<sup>75</sup> R. Suntharalingam, *Pengenalan Kepada Sejarah*, (Kuala Lumpur: Marican & Sons (M) Sdn. Bhd., 1985), 37.

perbezaan dalam gaya tulisan Bahasa Malaysia lebih ketara jika kita membandingkan keadaan kini dengan gaya tulisan *Sejarah Melayu*.<sup>76</sup>

Terdapat kaedah lain yang digunakan untuk membongkar pemalsuan dokumen ialah melalui ujian tulisan tangan. Kebanyakan sumber yang terdapat dalam sesuatu dokumen pada sesuatu zaman lampau ditulis dengan tulisan tangan.<sup>77</sup> Antara kaedah yang digunakan dalam ujian ini ialah perbandingan tulisan tangan.

Kemahiran dan kepakaran ahli sejarah diperlukan dalam menyelesaikan masalah-masalah yang wujud pada sesuatu sumber sejarah tersebut. Contohnya dalam mengenalpasti bahan yang digunakan pada sumber tersebut sama ada daripada kertas, kulit binatang, dan kulit pokok seperti papyrus, daun lontar dan sebagainya. Dalam hal ini, ahli sejarah perlu meminta kepakaran bidang lain terutamanya dalam bidang ilmu sains, geologi dan sebagainya.<sup>78</sup>

Para sejarawan sememangnya sedar akan matlamat kritikan terhadap sumber sejarah. Kritikan amat penting bagi mencari kesahihan tentang peristiwa sejarah yang sebenar-benarnya. Ianya boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu teks (sumber) dan penyampai sumber itu. Jika penyampai sumber itu melakukan pembohongan maka berita atau sumber yang diberikan itu adalah sumber yang palsu.<sup>79</sup>

---

<sup>76</sup> Kandungan hikayat ini adalah mengenai sejarah Melaka pada kurun ke-15 hingga ke-16. Contoh antara gaya tulisan yang terdapat dalam *Sejarah Melayu* ialah wasiat Sultan Alaud'din Ria'yat Shah kepada anakandanya yang dirakamkan dalam teks *Sejarah Melayu* "...adapun peninggalku ini hendaklah anakku berbuat ibadat sangat-sangat, jangan anakku mengambil hak segala manusia dengan tiada sebenarnya..." lihat dalam Tatiana A.Denisova, *Refleksi Historiografi Alam Melayu*, (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2011), 30.

<sup>77</sup> Rozeman Abu Hassan, *Mengenal dan Mentafsir Sumber-sumber Sejarah*, (Kuala Lumpur: Karisma Publications, 2004), 46.

<sup>78</sup> *Ibid*

<sup>79</sup> Arba'iyah Mohd Noor, *Ilmu Sejarah dan Pensejarahan*, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002), 59.

### 3.2.2 Kritikan Dalaman

Kritikan dalaman dilakukan selepas melakukan kritikan luaran selesai. Kritikan dalaman dan kritikan luaran perlu dilakukan kerana kedua-dua aspek ini mempunyai hubungan antara satu sama lain. Sesuatu kajian sejarah tidak akan lengkap tanpa ada salah satu daripadanya. Kritikan dalaman bertujuan untuk menentukan kerasionalan tentang sesuatu isi kandungan sesuatu sumber sejarah. Walaupun pada peringkat kritikan luaran mengatakan bahawa sumber itu asli, tetapi jika kandungannya tidak munasabah, maka sumber itu tidak wajar dijadikan sumber rujukan sejarah. Maka disini terdapat beberapa tahap tafsiran sumber yang perlu dilakukan oleh ahli sejarah iaitu tafsiran verbal, tafsiran teknikal, tafsiran logik, tafsiran psikologi dan tafsiran fakta.<sup>80</sup>

Proses tafsiran verbal adalah berfokus kepada aspek bahasa khususnya untuk mengetahui makna perkataan-perkataan dan ayat dalam sesuatu dokumen disamping mendapatkan idea yang cuba ditonjolkan oleh penulis dokumen berkenaan.<sup>81</sup> Oleh itu, kemahiran dalam menguasai penggunaan pelbagai bahasa dan aspek perbendaharaan kata sangat diperlukan. Ini kerana pengetahuan sejarawan tentang perkara tersebut boleh menunjukkan ketepatan makna bukan sahaja daripada segi perkataan, sinonim, peribahasa dan sebagainya.<sup>82</sup>

Kaedah pentafsiran teknikal, lazimnya dapat menjelaskan tujuan penulisan sumber dilakukan oleh seorang penulis dan mengenal pasti sebarang pembacaan spesifik ke atas sumber sejarah yang digunakan. Lazimnya ia dijalankan berasaskan dua pertimbangan iaitu tujuan penulis dan melakukan bentuk pembacaan yang tepat.<sup>83</sup>

---

<sup>80</sup> *Ibid.*, 60 dan lihat juga R.Suntharalingam, *Pengenalan Kepada Sejarah*, (Kuala Lumpur:Marican & Sons (M) Sdn. Bhd., 1985) , 41.

<sup>81</sup> Rozeman Abu Hassan, *Mengenali dan Mentafsir Sumber-sumber Sejarah*, (Kuala Lumpur:Karisma Publications, 2004),48.

<sup>82</sup> *Ibid.*,50.

<sup>83</sup> *Ibid.*,51.

Tafsiran logik merupakan suatu proses yang dilakukan oleh ahli sejarah untuk menghubungkan pelbagai bahagian sumber mengikut kaedah pemikiran yang betul. Pandangan ke atas keseluruhan dapatan semua dokumen perlu dilakukan supaya pandangan yang terhasil tidak mengalami *bias* mahupun terhadap kepada sesuatu fakta yang tertentu sahaja.<sup>84</sup>

Tafsiran psikologi yang bertujuan untuk melihat pemikiran atau karakter penulis sama ada dipengaruhi oleh factor persekitaran, fizikal, sosial, dan intelektual dalam sesuatu zaman. Namun proses ini lazimnya berkaitan dengan idea dan emosi seseorang penulis mahupun ahli sejarah.<sup>85</sup>

Akhir sekali, tafsiran fakta yang digunakan setelah ahli sejarah memahami makna dan kandungan sumber atau dokumen yang dikaji. Menurut Ibn Khaldūn, kebenaran sejarah adalah bergantung kepada kebenaran fakta yang diperolehi. Bagi beliau, peristiwa sejarah yang lepas adalah merupakan catatan dan bukan fakta sejarah. Ini kerana kebenaran sejarah itu adalah berdasarkan pengkajian, penelitian dan penyelidikan ahli-ahli sejarah dan usaha mereka untuk menterjemahkan sesuatu sumber dengan tepat.<sup>86</sup>

Kesimpulannya, kaedah penyelidikan sejarah adalah bertujuan untuk memenuhi matlamat sejarawan dalam menjelaskan kebenaran sejarah terhadap peristiwa-peristiwa sejarah yang ingin dikaji. Kritikan dalaman dan luaran, walaupun mempunyai objektif yang berbeza akan tetapi matlamatnya adalah sama iaitu mewujudkan kebenaran sejarah.

---

<sup>84</sup> *Ibid.*, 53.

<sup>85</sup> *Ibid.*, 54.

<sup>86</sup> Muhd Yusof Ibrahim dan Mahayudin Haji Yahaya, *Sejarawan dan Pensejarahan: Ketokohan dan Karya*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988), 189.

#### 4. FALSAFAH SEJARAH

Kekeliruan pengertian mungkin timbul terutamanya terhadap bidang ilmu yang khusus seperti falsafah, sejarah dan pensejarahan, iaitu bidang yang dilihat mempunyai kaitan dengan falsafah sejarah. Apakah perbezaan antara bidang tersebut dengan falsafah sejarah itu sendiri? atau apakah kaitan-kaitannya? Pada hakikatnya persoalan dan kekeliruan yang mungkin timbul itu menunjukkan betapa kompleksnya bidang falsafah sejarah. Oleh demikian, tidak hairanlah jika kita dapati pengertian asas serta huraian yang kerap berbeza antara seorang pengkaji dengan pengkaji yang lain.

Sejarah secara ringkasnya, merupakan peristiwa yang sudah berlaku. Peristiwa tersebut terlalu banyak dan ada yang bersifat 'runcitan' iaitu tidak penting. Manakala falsafah pula, merupakan pemikiran-pemikiran yang pernah dan akan lahir dalam peradaban manusia. Falsafah juga membincangkan mengenai ilmu tentang pemikiran. Maka, secara ringkasnya, falsafah itu merupakan ilmu yang membahaskan pemikiran-pemikiran manusia yang muncul dalam sejarah manusia.

Menurut Muhd. Yusof Ibrahim (2009), falsafah sejarah adalah satu istilah yang kompleks yang dikelilingi dengan pelbagai persoalan.<sup>87</sup> Walaupun terdapat banyak persoalan yang mengelirukan, terdapat sarjana sejarah yang memberikan takrif yang asas tentang falsafah sejarah. Contohnya seperti pernyataan Barnes yang menyatakan bahawa seolah-olah falsafah sejarah dapat disamakan dengan spekulasi tentang masa lalu ataupun berfalsafah tentang perjalanan manusia.<sup>88</sup>

Pandangan Barnes ini diikuti oleh Walsh iaitu seorang sarjana Barat yang memperkembangkan lagi falsafah sejarah pada akhir kurun ke-18. Menurut beliau,

---

<sup>87</sup> Muhd. Yusof Ibrahim, *Ilmu Sejarah, Falsafah, Pengertian dan Kaedah*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009), 59.

<sup>88</sup> Barnes, *A History of Historical Writing*, (New York: Dover Publication Inc, 1963), 192.

penulis pada ketika itu menjadikan falsafah sejarah sebagai kajian yang spekulatif terhadap keseluruhan perjalanan sejarah. Mereka mengharapkan agar dapat memaparkan rahsia sejarah.<sup>89</sup>

Perbahasan dalam falsafah sejarah ini selalunya berkait rapat dengan persoalan sejarah itu sendiri. Ianya bertujuan untuk menyimpulkan atau menyebut sesuatu yang berguna daripada sejarah. Ianya bermaksud untuk mendapatkan dan mencari sesuatu yang bermakna daripada sejarah. Lantaran itu, falsafah sejarah bolehlah dikatakan sebagai suatu percubaan sejarawan untuk memahami dan menerangkan sejarah itu.

Kesimpulannya, dengan wujudnya falsafah sejarah itu dan seterusnya dengan penyatuan dengan sejarah menjadikan penyelidikan serta kaedahnya dan juga perkara yang berkaitan dengannya adalah sama. Hakikat yang ingin dicari atau diwujudkan ialah kebenaran sesuatu peristiwa sejarah itu dan bukannya spekulasi atau andaian-andaian mengenainya.

## **5. PENULISAN SEJARAH**

Penulisan sejarah itu mempunyai istilahnya yang tersendiri, iaitu ‘pensejarahan’ dalam bahasa Melayu dan *historiography* dalam Bahasa Inggeris.<sup>90</sup> Di samping itu, ia juga merupakan suatu proses dengan tahap-tahap dan aturannya tersendiri yang lazimnya diikuti atau dilaksanakan oleh sejarawan dalam usaha-usahanya menghasilkan penulisan sejarah.

---

<sup>89</sup> Walsh, *An Introduction to Philosophy of History*, (London:Hutchinson University Press, 1951), 14.

<sup>90</sup> Louis Gottschalk, *Understanding History ; A Primer of Historical Method* (2<sup>nd</sup> Edition), (New York: Alfred A. Knopf, 1969) , 2 dan lihat juga Muhd Yusof Ibrahim, *Ilmu Sejarah:Falsafah, Pengertian dan Kaedah*, (Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000) , 223.

Menurut Khoo Kay Kim, historiografi merujuk kepada hasil pengkajian dan penulisan sejarah.<sup>91</sup> Hasil penulisan berkenaan adalah merupakan tentang sesuatu peristiwa, tokoh, tempat dan sebagainya. Ianya juga merupakan ekspresi kultural dan pantulan dari keperihatinan sosial masyarakat atau kelompok sosial yang menghasilkannya.<sup>92</sup> Menurut beliau lagi, penulisan sejarah merujuk kepada karya sejarah dan pensejarahan. Umum, tidak ramai yang dapat membezakan sejarah dengan pensejarahan atau historiografi.<sup>93</sup>

Penulisan sejarah tetap merupakan tafsiran seorang ahli sejarah tentang masa yang telah lalu dan merupakan sifat subjektif, manakala sejarah iaitu keseluruhan masa yang lalu dan bersifat objektif. Ini bermakna sejarah tidak boleh diubah, akan tetapi pensejarahan iaitu tafsiran ahli sejarah tentang sesuatu peristiwa yang sentiasa berubah.<sup>94</sup>

Selain itu, menurut Carl Becker dalam artikelnya yang bertajuk "*What is Historiography*" menyatakan bahawa pensejarahan juga merangkumi cara dan kaedah yang digunakan oleh pencatat untuk mencatat peristiwa atau fenomena, sumber dan pendekatan yang digunakan olehnya. Ianya mengambil kira tentang sudut pandangan dan pemikiran pencatat berkenaan permasalahan yang wujud dalam penulisan dan catatan peristiwa atau fenomena dari semasa ke semasa sampai ke hari ini.<sup>95</sup>

Merujuk kepada *Britannica Concise Encyclopedia*,<sup>96</sup> istilah *historiography* diertikan sebagai "*writing of history that based on the examination of sources*". Oleh

---

<sup>91</sup> Khoo Kay Kim, "Sejarah dan Historiografi : Satu Penjelasan" (Kertas Kerja Seminar Falsafah, Teknologi dan Pembangunan : Beberapa Persoalan Epistemologi di Kuala Lumpur, 21 Mac 1998), 4.

<sup>92</sup> Taufik Abdullah dan Abdurahman Sunjomihardjo, *Ilmu Sejarah dan Historiografi*, (Jakarta: Pt Gramedia, 1985), xxi.

<sup>93</sup> Khoo Kay Kim, *Panji-panji Gemerlapan: Satu Pembicaraan Pensejarahan Melayu*, (Kuala Lumpur:Universiti Malaya, 1979) ,1.

<sup>94</sup> *Ibid*

<sup>95</sup> Carl Becker, "*What is Historiography*", (New Heaven:Yale University Press, 1970), 65-78.

<sup>96</sup> Anita Wolff (ed.), *Britannica Concise Encyclopedia*, (Encyclopedia Britannica Inc., 2006) , 879.



yang demikian, penulisan sejarah itu mestilah melibatkan kajian ke atas sesuatu sumber sejarah, yang mempunyai kaedah dan etika yang tertentu.

Oleh yang demikian, historiografi merujuk kepada pembelajaran tentang penulisan sejarah, kaedah pentaksiran dan alat penyiasatan yang sentiasa berubah sepanjang masa. Bagi historiografi Islam pula, ianya merujuk kepada pembelajaran tentang penulisan sejarah dikalangan orang Islam. Ianya bagi menilai perubahan atau mempertimbangkan perkembangan, kebangkitan, kejatuhan, pertumbuhan, keruntuhan mahupun kesuburan sesuatu perkara dan peristiwa. Begitu juga dalam menjadikan sesuatu kajian sejarah itu baik dan berkualiti penulisannya.

Penulisan sejarah atau dikenali sebagai pensejarahan dan juga historiografi bukanlah satu bidang yang baru dalam dunia intelektual. Penulisan sejarah adalah mengenai peristiwa yang telah berlaku yang prosesnya melibatkan kejadian, sumber dan gambaran yang dilakukan oleh sejarawan bagi menghasilkan karya sejarah untuk makluman dan rujukan masyarakat umum.<sup>97</sup> Oleh itu, penulis akan memberi penerangan ringkas mengenai pensejarahan dari Barat, Alam Melayu dan Islam. Ini adalah kerana ketiga-tiga pensejarahan ini merupakan antara yang utama dalam memonopoli dunia penulisan sejarah.

## **5.1 Tujuan Penulisan Sejarah**

Tujuan penulisan sejarah yang paling utama adalah untuk mewujudkan kebenaran sesuatu peristiwa. Hakikat ini adalah menyeluruh sama ada pensejarahan itu

---

<sup>97</sup> Arba'iyah Mohd Noor, *Ilmu Sejarah dan Pensejarahan*, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002), 68.

berbentuk tradisi ataupun moden.<sup>98</sup> Menurut Khoo Kay Kim terdapat dua jenis tujuan pensejarahan iaitu yang pertama:

- 1) Menulis sejarah bertujuan untuk menyesatkan pembacanya atau berhasrat meyakinkan pembaca mengenai sesuatu (sejarah yang ditulis untuk tujuan propaganda) iaitu sejarah yang ditulis dengan tujuan menimbulkan perasaan nasionalis di kalangan pembaca
- 2) Sejarah memang ditulis berasaskan maklumat yang diperolehi penulisnya dari pelbagai sumber seperti dokumen rasmi, surat peribadi, tulisan sezaman oleh mereka yang mempunyai pengetahuan atau pengalaman secara langsung, sumber lisan dan sebagainya. Akan tetapi, persepsi mengenai kebenaran bukan semestinya konkrit dan persis, ia sudah tentu bersifat subjektif.<sup>99</sup>

Daripada pernyataan Khoo Kay Kim ini, penulis dapat simpulkan bahawa terdapat dua jenis tujuan penulisan sejarah, iaitu bersifat negatif dan positif. Para sejarawan memainkan peranan yang penting bagi mempengaruhi masyarakat dan golongan mereka jugalah yang memanipulasi sejarah.

Kepentingan penulisan sejarah ini telah pun disedari sejak zaman Rasulullah s.a.w lagi. Justeru itulah Franz Rosenthal (1914-2003) menganggap baginda sebagai pengasas kepada pensejarahan Islam iaitu;

---

<sup>98</sup> Muhd Yusof Ibrahim dan Mahayudin Haji Yahaya, *Sejarawan dan Pensejarahan: Ketokohan dan Karya*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988), 183.

<sup>99</sup> Khoo Kay Kim, "Sejarah dan Historiografi : Satu Penjelasan" (Kertas Kerja Seminar Falsafah, Teknologi dan Pembangunan : Beberapa Persoalan Epistemologi di Kuala Lumpur, 21 Mac 1998), 3-4

*“It remains, however, a fact that the Prophet himself planted the seeds from which a wider interest in history was to arise”<sup>100</sup>*

Walau bagaimanapun, R.Suntharalingam mengatakan bahawa kepentingan penulisan sejarah ini telah wujud sejak zaman Herodotus yang dipandang umum sebagai pengasas sejarah.<sup>101</sup> Karyanya yang bertajuk *Histories*<sup>102</sup> merupakan penulisan sejarah yang bertujuan untuk menceritakan tindakan-tindakan yang penting dan mengagumkan yang dilakukan oleh orang Yunani dan Parsi, disamping menegakkan sebab mengapa mereka itu berperang.

Akan tetapi, terdapat juga beberapa kelemahan dikalangan ahli sejarah yang tidak dapat dinafikan masih wujud sehingga kini. Antara kelemahan tersebut ialah sikap *bias* ataupun memihak kepada sesuatu golongan ataupun ideology, penerangan yang tidak jelas atau terperinci, dan mudah menerima serta percaya kepada sesuatu sumber yang didapati atau disampaikan. Merujuk kepada pandangan Ibn Khaldun dalam perkara tersebut, beliau mengatakan bahawa semua catatan (penulisan sejarah) itu tidak pernah bebas daripada kekeliruan. Bahkan catatan-catatan itu sendiri mengandungi faktor-faktor yang menuju ke arah kekeliruan tersebut.<sup>103</sup>

Profesor Wang Gungwu (1968), menyatakan bahawa penulisan sejarah berperanan membantu usaha pembangunan bangsa.<sup>104</sup> Ini disokong oleh Profesor Zainal Abidin Abdul Wahid (1979), yang menyatakan bahawa sebenarnya sejarah

---

<sup>100</sup> Franz Rosenthal, *A History of Muslim Historiography*, (Leidin: E.J.Brill, 1968), 30.

<sup>101</sup> R.Suntharalingam, *Pengenalan Kepada Sejarah*, (Kuala Lumpur: Marican & Sons (M) Sdn. Bhd, 1985), 58.

<sup>102</sup> Merupakan karya yang menceritakan mengenai Perang Parsi iaitu pertembungan antara kebudayaan Barat (Yunani) dengan kebudayaan Timur (Parsi) dan akhirnya tentera Parsi kalah ditangan tentera Yunani.

<sup>103</sup> Abdul Rahmān bin Muhammad bin Khaldūn, ‘Alī Abdul Wahid Wāfi (peny.), *Muqaddimah Ibn Khaldūn*, Juz’ul Awwal, (Kaherah: Nahdhah Misr, 2006), 177.

<sup>104</sup> Wang Gungwu, *The Use of History*, (Kuala Lumpur: University Of Malaya, 1968), 1.

Malaysia boleh menolong membentuk keperibadian kebangsaan tetapi ia juga boleh melahirkan kebanggaan di kalangan rakyat Malaysia.<sup>105</sup>

Bagi tujuan penulisan sejarah pula, menurut al-Attas, sesuatu kajian atau penulisan sejarah itu mestilah dapat mencapai kebenaran<sup>106</sup> dan memberikan makna diri kepada sesuatu bangsa yang dikaji. Matlamat pertama iaitu mencapai kebenaran, hal ini merujuk kepada bidang sejarah itu sendiri yang dilihat sebagai suatu ilmu yang memerlukan kepada kaedah penyelidikan yang benar dan mesti dipatuhi, di samping pandangan alam yang benar seseorang pengkaji bagi memperolehi pentafsiran sejarah yang sebenar. Malah matlamat ini juga adalah selari dengan sifat ilmu itu sendiri yang mana menurut al-Attas adalah berhubung dengan hakikat sesuatu kebenaran (*al-haq*) yang seterusnya akan membawa kepada keyakinan.

Manakala bagi matlamat kedua pula iaitu memberikan makna diri, di sinilah persoalan *'ibrah* dan teladan daripada sejarah itu perlu diketengahkan khususnya kepada diri individu itu sendiri. Ini kerana jati diri bangsa tidak dapat dipisahkan daripada jati diri individu dan kedua-duanya adalah saling berkaitan. Ibarat pohon yang bermula dari bijih benih yang kecil, maka bermulalah kehidupan manusia atau terbentuknya sesebuah masyarakat itu yang kemudiannya akan membesar dan mengeluarkan hasil. Jika ia berasal daripada benih yang baik maka baiklah pohon tersebut dan sebaliknya. Malah mengenai pohon yang baik itu ada diterangkan dalam al-Quran iaitu:

أَلَمْ تَرَ كَيْفَ ضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا كَلِمَةً طَيِّبَةً كَشَجَرَةٍ طَيِّبَةٍ أَصْلُهَا ثَابِتٌ وَفَرْعُهَا فِي السَّمَاءِ ﴿١٤﴾

Surah Ibrāhīm (14):24

<sup>105</sup> Zainal Abidin b. Abdul Wahid, *Sejarah dalam Proses Pembangunan*, (Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1979), 5.

<sup>106</sup> Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Buku Panduan Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu*, (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1972), 1.

*Terjemahan: Tidakkah engkau melihat (wahai Muhammad) bagaimana Allah mengemukakan satu perbandingan, iaitu: kalimah yang baik adalah sebagai sebatang pohon yang baik, yang pangkalnya (akar tunjangnya) tetap teguh dan cabang pucuknya menjulang ke langit.*

Pada dasarnya, penulisan sejarah dihasilkan bertujuan untuk makluman umum tentang kejadian atau wujudnya keadaan yang dipercayai banyak memberi kesan kepada proses evolusi ataupun perubahan masyarakat. Pokoknya, tujuan penulisan sejarah untuk membantu pembangunan bangsa wajarlah diterima dan dijunjung, yakni berbanding atau berbeza dengan sesuatu yang bertujuan untuk memusnahkan bangsa.

## **5.2 Pendekatan Pensejarahan**

Sejarawan mempunyai pendekatannya sendiri namun sejarawan tidak pula melihat sesuatu sejarah itu terlalu mendalam. Apa yang penting bagi sejarawan ialah perkara yang relevan dan sesuai untuk menggambarkan sesuatu peristiwa itu, iaitu aspek-aspek tertentu yang menjadi keutamaan sahaja. Pendekatan yang digunakan dalam setiap penulisan sejarah dibahagikan kepada:

- a) Naratif
- b) Analitikal

Untuk mengetahui serba sedikit apakah maksud naratif dan analitikal disini penulis akan menerangkan secara ringkas mengenai dua perkara ini.

### **a) Naratif**

Menurut Arba'iyah Mohd Noor, pendekatan sejarah secara naratif bermaksud gambaran tentang peristiwa yang terjadi pada masa lalu yang dihuraikan atau disusun

dalam bentuk penceritaan.<sup>107</sup> Menurut Collingwood,<sup>108</sup> Teggart<sup>109</sup> dan Mandelbaum<sup>110</sup> bahawa semua penulisan sejarah adalah berbentuk naratif ataupun penceritaan dan inilah yang membezakan dengan kajian sains.<sup>111</sup>

Walaupun Collingwood, Teggart dan Mandelbaum menyatakan sedemikian, akan tetapi tidak semua penulisan sejarah adalah berbentuk naratif. Pada dasarnya, tulisan yang berusaha menguji kebenaran sesuatu soalan tertentu tidak sentiasa menggunakan cara naratif. Contohnya seperti rencana Abdullah Zakaria Bin Ghazali yang bertajuk “Pembunuhan J.W.W. Birch: Suatu Kajian Tentang Pembunuhnya”.<sup>112</sup> Rencana beliau tidak disusun mengikut periodisasi malah penulis memulakan penulisannya dengan menyampaikan pendapat para ahli sejarah tentang pembunuhan Gabenor British di Perak itu dan menggunakan sumber primer yang diambil dari sumber-sumber British. Begitu juga dengan karya W.W.Fowler “*Social Life at Rome in the Age of Cicero*”<sup>113</sup> yang disusun secara analisa mengenai struktur masyarakat di Rom.

Kesesuaian pendekatan naratif dalam sejarah telah dipertikaikan. Naratif bukanlah cara yang paling baik untuk menyampaikan hasil penyelidikan kerana ia dicipta khas untuk tujuan penceritaan bagi menjawab soalan-soalan seperti “apa” dan “bagaimana” dan bukan untuk menghuraikan bagi soalan “mengapa”.

---

<sup>107</sup> Arba'iyah Mohd Noor, *Ilmu Sejarah dan Pensejarahan*, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002), 21 lihat juga Arba'iyah Mohd Noor, *Pendekatan dan Sumber dalam Sejarah Melayu dan Misa Melayu*, dalam *Sejarah Sumber dan Pendekatan*, (Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya, 2006), 68.

<sup>108</sup> R.G.Collingwood atau nama sebenar beliau Robin George Collingwood merupakan ahli falsafah dan sejarawan British yang terkenal dengan karyanya, *The Idea of History* (1946). Lihat Arba'iyah Mohd Noor, *Ilmu Sejarah dan Pensejarahan*, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002).

<sup>109</sup> Profesor Frederick J.Teggart seorang sejarawan yang sealaran dan sezaman dengan Collingwood dan terkenal dengan karyanya, *Theory and Processes of History* (1972). Lihat *Ibid*

<sup>110</sup> Profesor Maurice Mandelbaum seorang sejarawan yang menyatakan bahawa sejarah ini merupakan juga suatu unsur kajian tetapi berbeza dengan kajian sains dan beliau terkenal dengan karyanya yang bertajuk *The Anatomy of Historical Knowledge*. Lihat R.Suntharalingan, *Pengenalan Kepada Sejarah*, (Kuala Lumpur: Marican & Sons (M) Sdn. Bhd, 1985).

<sup>111</sup> Frederick J.Teggart, *Theory and Processes of History*, (London: Gloucester ,1972), 25, lihat juga R.Suntharalingan, *Pengenalan Kepada Sejarah*, (Kuala Lumpur: Marican & Sons (M) Sdn. Bhd, 1985), 22.

<sup>112</sup> Abdullah Zakaria Bin Ghazali, “Pembunuhan J.W.W. Birch: Suatu Kajian Tentang Pembunuhnya”, *Jebat*, bil.9 tahun 1979/80

<sup>113</sup> W.W.Fowler “*Social Life at Rome in the Age of Cicero*” (New York: Chautauqua,1909).

## **b) Analitikal**

Analitikal atau sejarah kritis yang dianggap juga sebagai falsafah sejarah yang menuntut kepada penggunaan pemikiran, kupasan, olahan dan renungan yang mendalam. Bagi sejarawan yang terlibat dalam bidang sejarah kritis ini, mereka akan cuba membuat penelitian, menganalisis dan menilai sumber-sumber yang asli serta mengembangkan fakta-fakta dan teori-teori yang sedia ada.<sup>114</sup>

## **5.3 Pensejarahan Islam**

Masyarakat Arab sebelum kedatangan Islam dikenali sebagai masyarakat jahiliah iaitu masyarakat yang jahil mengenai agama dan akhlak. Mereka mengamalkan cara hidup yang diwarisi daripada nenek moyang mereka. Kota Mekah merupakan pusat kebudayaan utama pada masa itu. Di mana ramai di kalangan bangsa arab memang gemar berpidato, bersajak, bersyair dan sebagainya.<sup>115</sup>

Mereka memang sudah terkenal sebagai masyarakat yang mempunyai daya ingatan yang kuat telah menyampaikan pelbagai cerita dan kisah perjalanan hidup masyarakat mereka menerusi puisi-puisi yang dihafal dan disampaikan kepada masyarakat dalam bentuk lisan. Pensejarahan awal bangsa Arab ini juga dikatakan berkait rapat dengan ilmu kesusasteraan.<sup>116</sup> Pensejarahan Arab jahiliah ini banyak menggunakan dua sumber utama iaitu daripada *Ayyam al-Arab* dan *ansab al-Arab* (salasilah keturunan bagi sesebuah kaum atau suku).<sup>117</sup>

Walaupun tulisan-tulisan mereka itu mempunyai kaitan dengan bidang kesusasteraan, geneologi dan kurang dari segi ketelitian, kesahihan serta ketepatan

---

<sup>114</sup> Muhd Yusof Ibrahim, *Ilmu Sejarah: Falsafah, Pengertian dan Kaedah*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000), 20 dan lihat juga Arba'iyah Mohd Noor, *Ilmu Sejarah dan Pensejarahan*, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002), 21.

<sup>115</sup> Dusuki Haji Ahmad, *Ikhtisar Perkembangan Islam*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980), 32.

<sup>116</sup> Muhd Yusof Ibrahim dan Mahayudin Haji Yahaya, *Sejarawan dan Pensejarahan: Ketokohan dan Karya*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988), 107.

<sup>117</sup> Nisar Ahmed Faruqi, *Early Muslim Historiography*, (Delhi: Idarah Adabiyat Delli, 1979), 2.

faktanya, namun tulisan mereka tetap dianggap termasuk dalam sumber-sumber pensejarahan. Ini adalah kerana pada ketika itu masyarakat Arab masih belum ada kesedaran yang tinggi dan mendalam tentang pentingnya sejarah. Melalui puisi-puisi yang dikarang oleh penyajak-penyajak Arab itu, kita boleh katakana bahawa tanggapan mereka terhadap sejarah adalah dalam lingkungan puak-puak atau suku mereka sahaja. Oleh itu, segala bentuk catatan masyarakat Arab jahiliah tidak kira sama ada syair, sajak, dan sebagainya dianggap sebagai sumber pensejarahan dan asas permulaan penulisan sejarah Islam.<sup>118</sup>

Sejarah Islam bermaksud catatan-catatan sejarah yang berhubung dengan umat Islam dan kerajaan Islam bermula dari kelahiran Islam sehingga kini. Catatan-catatan yang dimaksudkan itu dibuat oleh orang Islam dan juga bukan Islam yang berhubung dengan perkembangan Islam. Walaupun pada umumnya Sejarah Islam itu bermula dari kelahiran ajaran yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW dan berterusan hingga kini, namaun terdapat pembahagian yang dibuat oleh institusi pengajian tinggi di negara-negara Islam, yang terpengaruh dengan pembahagian yang dibuat oleh sarjana-sarjana Barat berhubung dengan sejarah. Contohnya, sejarah sebelum kedatangan Islam, pengutusan Rasulullah, perjuangan Rasulullah, Khulafa al-Rashidin dan lainnya sehinggalah dunia Islam Kini yang juga dirasakan perlunya diketahui oleh masyarakat Islam pada hari ini.<sup>119</sup>

Ilmu sejarah adalah salah satu daripada bidang-bidang pengetahuan Islam. Sebelum kemunculan Islam, orang-orang Arab tidak mempunyai ilmu sejarah dalam ertikata yang sebenarnya melainkan hanyalah berita-berita tentang keturunan dan asal-usul qabilah-qabilah mereka. Iaitu dikenali dengan nama "*Ilmu al-Ansāb*" dan perihal

---

<sup>118</sup> Arba'iyah Mohd Noor, *Ilmu Sejarah dan Pensejarahan*, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002), 169.

<sup>119</sup> Wan Yahya Wan Ahmad, *Pensejarahan Awal Islam*, (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1992), 2.



peperangan yang berlaku diantara qabilah-qabilah Arab yang dikenali dengan nama “*Ayyām al-Arab*”.<sup>120</sup> Segala bentuk catatan masyarakat *Arab Jahīlīyyah* tidak kira sama ada syair, sajak, pantun dan sebagainya yang dianggap sebagai sumber pensejarahan. Ini akhirnya menjadi asas permulaan kepada penulisan sejarah Islam.<sup>121</sup>

Pensejarahan Islam ialah penulisan atau catatan sejarah selepas Islam bertapak di bumi Arab yang disampaikan oleh para sahabat, tabīn, berhubung peristiwa-peristiwa sejak dari keputeraan Rasulullah SAW, tugasnya menyebarkan Islam, peperangan, kewafatan baginda dan sebagainya. Berbeza dengan pensejarahan sebelum Islam yang lebih tertumpu kepada nasab keluarga dan peperangan antara kaum.<sup>122</sup>

لَمْ نَقُصُّ عَلَيْكَ أَحْسَنَ الْقَصَصِ بِمَا أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ هَذَا الْقُرْآنَ وَإِنْ كُنْتَ مِنْ قَبْلِهِ

لَمِنَ الْغَافِلِينَ ﴿٣﴾

Surah Yusuf (12): 3

*Terjemahan: Kami menceritakan kepadamu kisah yang paling baik dengan mewahyukan al-Quran ini kepadamu, dan kamu (sebelum kami wahyukan) adalah termasuk dalam orang-orang yang belum mengetahui*<sup>123</sup>

لَمْ نَقُصُّ عَلَيْكَ نَبَأَهُم بِالْحَقِّ إِنَّهُمْ فِتْيَةٌ آمَنُوا بِرَبِّهِمْ وَزِدْنَاهُمْ هُدًى ﴿١٣﴾

Surah al-Kahfi (18): 13

*Terjemahan: Kami ceritakan kisah mereka kepadamu (Muhammad) dengan sebenarnya.*<sup>124</sup>

Penulis membawakan surah ini adalah untuk membuktikan bahawa Allah SWT telah memberi contoh-contoh atau misalan sebagai salah satu kaedah yang perlu diikuti oleh sejarawan Islam dalam membuat pengkajian terhadap segala bahan bersejarah.

<sup>120</sup> Ali Taib, “Penulisan Sejarah dalam Islam”, *Majalah Medium*, Bil.1, 1988, 5.

<sup>121</sup> Rozeman Abu Hassan, *Mengenal dan Mentafsir Sumber-sumber Sejarah*, (Kuala Lumpur: Karisma Publications, 2004), 169.

<sup>122</sup> *Ibid.*, 174.

<sup>123</sup> Sheikh Haji Mohamad Nor bin Mansor *et.al* (2010), *Terjemahan Bahasa Melayu Al-Quran Rasm ūthmānī*, 235.

<sup>124</sup> *Ibid.*, 294.

Perkataan ‘kisah’ dalam al-Quran bukan sahaja membawa makna kisah-kisah yang berlaku tetapi membawa juga kepada maksud sejarah. Sebenarnya banyak kisah sejarah yang Allah SWT telah ceritakan kepada umatnya agar menjadi panduan mereka.

Al-Quran sebagai model kepada buku-buku sejarah yang lain cuba mengajar agar memastikan segala cerita sejarah itu ditulis berdasarkan kebenaran tanpa ada muslihat dan prasangka di sebaliknya. Kisah-kisah dalam al-Quran juga dapat memperbetulkan segala kisah dongeng Arab yang disampaikan oleh penyair-penyair Arab Jahiliyah. Disamping itu juga, ia dapat melatih sejarawan Islam agar menulis segala fakta daripada sumber-sumber yang benar dan tepat sahaja serta mencontohi akhlak terpuji Rasulullah SAW.<sup>125</sup> Antara tokoh-tokoh sejarawan Islam yang terkenal ialah, Urwāh bin al-zūbayr,<sup>126</sup> al-Zūhri<sup>127</sup>, al-Mas’udi<sup>128</sup>, Ibn Khaldūn<sup>129</sup> dan ramai lagi. Pensejarahan Islam pada hakikatnya merupakan pensejarahan Arab yang berkembang dalam jangka masa iaitu sejak Islam pertama kali disampaikan oleh Nabi Muhammad SAW sehingga abad ke-3 H yang sememangnya mempunyai sumber-sumber yang didasarkan kepada keagamaan. Dengan kata lain, Islam memberikan kesedaran sejarah

---

<sup>125</sup> Wan Yahya Wan Ahmad, *Pensejarahan Awal Islam*, (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1992), 8.

<sup>126</sup> Anak kepada sahabat Nabi Muhammad saw iaitu Zubayr al-Awwam dan Asma’ bt Abu Bakar iaitu ipar kepada baginda Rasulullah. Sesetengah sejarawan menganggap beliau sebagai pengasas pensejarahan Islam zaman tradisi kerana beliau telah menulis biografi dan sejarah Nabi Muhammad yang dipanggil *al-Maghazi*.

<sup>127</sup> Merupakan seorang sejarawan yang besar, *muhaddith* dan faqih dalam bidang-bidang yang diceburinya. Beliau telah menggunakan kaedah penyelidikan seperti yang dilakukan oleh ‘Urwah dan para muhadisun iaitu dengan membuat penyelidikan yang teliti untuk mendapatkan maklumat yang tepat dan benar mengenai sejarah Rasulullah saw dan para sahabat Baginda. Beliau turut menggunakan al-Quran dan hadis sebagai sumber penelidikannya dan juga menemu bual beberapa saksi yang difikirkan layak tentang sesuatu peristiwa sejarah. Contohnya seperti peristiwa Hijrah, Perang Badar, Perang Uhud, peristiwa penaklukan Kota Mekah dan kewafatan Nabi Muhammad saw dan beliau juga menggunakan kaedah kronologi. Lihat Wan Yahya Wan Ahmad, *Pensejarahan Awal Islam*, (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1992), 21-27, Mohd Kamil Abd Majid, *Tokoh-tokoh Pemikir Islam*, (Petaling Jaya: Budaya Ilmu, 1993), 12 dan juga Muhd Yusof Ibrahim dan Mahayudin Haji Yahaya, *Sejarawan dan Pensejarahan: Ketokohan dan Karya*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988), 124-125.

<sup>128</sup> Mempunyai ilmu pengetahuan yang mendalam tentang falsafah, sains, sejarah dan geografi. Bagi kaedah penyelidikan, beliau melakukan pengembaraan dan melihat sendiri perkara atau peristiwa yang berlaku di tempat-tempat yang dilawatnya, disamping berinteraksi serta menemu bual tokoh-tokoh dan masyarakat di sesebuah tempat. Beliau juga memasukkan unsur-unsur sains dan falsafah juga ilmu geografi dalam penulisan sejarahnya. Beliau telah mengasaskan pensejarahan berbentuk moden iaitu menggabungkan ilmu-ilmu bantu yang lain dalam karya sejarahnya. Lihat Mahayudin Haji Yahaya, *Tamadun Islam*, (Kuala Lumpur: Fajar Bakti, 1998), 399 dan juga Ahmad M.H. Shboul, *Al-Mas’udi and His World: A Muslim Humanist and Interest in non-Muslims*, (London: Ithaca Press, 1979), 7 & 79.

<sup>129</sup> Merupakan seorang tokoh sejarawan ulung yang kaya dengan ilmu pengetahuan seperti fikah, hadis, falsafah, matematik, astronomi, geografi, sastera dan pelbagai cabang ilmu yang lain. Karya teragung beliau ialah *Muqaddimah*. Melalui karyanya, beliau cuba membezakan antara sejarah yang bersifat luaran dengan dalaman. Sejarah luaran adalah sekadar mempunyai fakta dan informasi yang umum terutama yang berkaitan dengan politik yang berlaku. Manakala sejarah dalaman menggunakan disiplin ilmu-ilmu kemasyarakatan yang lain. Beliau merupakan seorang sejarawan agung di dunia Islam kerana pemikiran beliau digunakan sehingga ke hari ini. Tokoh-tokoh Barat juga turut mengagumi segala hasil usahanya. Lihat Ibn Khaldun (terj.), *Mukaddimah Ibn Khaldun*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995), Lxxiii-Lxxv, juga Mohd Kamil Abdul Majid, “Pemikiran Ibn Khaldun Mengenai Ilmu dan Sosiobudaya”, *Jurnal Usuluddin*, Julai, 1997, 24 dan Muhd Yusof Ibrahim dan Mahayudin Haji Yahaya, *Sejarawan dan Pensejarahan: Ketokohan dan Karya*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988), 179-180.

kepada umatnya, sama ada melalui al-Quran mahupun hadis Rasulullah SAW yang mana kebanyakan daripadanya mengandungi dimensi sejarah kepada kaum Muslimin.<sup>130</sup>

Dalam sistem pensejarahan Islam, penekanan turut diberikan terhadap kebenaran kronologi sama ada dari segi tahun, bulan dan hari sesuatu peristiwa berlaku. Ia dipercayai bermula dengan peristiwa Hijrah Rasulullah saw dari Makkah ke Madinah yang jatuh pada hari Khamis, bersamaan 15 Julai 622 M. Kenyataan ini adalah berdasarkan permulaan tahun Hijrah pada sistem kalendar Muslim yang diperkenalkan oleh Saidinā ‘Umar r.a.<sup>131</sup> Oleh yang demikian, ramai sejarawan Islam yang mula membuat pembahagian dan penyusunan sejarah berdasarkan dua zaman iaitu Zaman pra-Islam dan selepas Islam.

Setelah negara Islam berkembang dan kekuasaannya meluas di luar negeri-negeri Arab, maka gerakan pengkajian sejarah juga seolah-olah mengikut arus perkembangan tersebut. Sepertimana yang diketahui, pada zaman Rasulullah saw perkembangan keilmuan Islam adalah di peringkat permulaan. Begitu juga dengan zaman Khulafa’ al-Rasyidun. Tiada Bukti yang menunjukkan bahawa sejarah Islam mula ditulis pada zaman ini. Malah baginda saw pernah melarang para sahabat daripada mencatat hadis-hadis baginda.<sup>132</sup>

---

<sup>130</sup> Siti Nor Aisyah Ngadiran, “Konsep Sejarah Menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas: Kajian Terhadap Karya-Karya Terpilih” (disertasi, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2012), 64.

<sup>131</sup> Saidinā ‘Umar dikatakan sebagai orang pertama yang melahirkan istilah ‘*tārīkh*’, tujuannya untuk membezakan makna sejarah zaman Yunani dan Jahiliyah dengan makna sejarah di zaman Islam. *Ta’rīkh* adalah suatu istilah yang diArabkan. Ia berasal dari bahasa Parsi ‘*mah roz*’. Pada zaman pemerintahan Saidina Umar, pada suatu ketika Abū Mūsā al-Asy’ārī menulis surat kepada khalifah ‘Umar, beliau berkata: “*Kami telah menerima sepucuk surat daripada khalifah, tetapi kami tidak tahu apa yang nak dibuat. Kami ada menerima arahan bayaran pada bulan Sya’aban, tetapi kami tidak tahu Sya’aban yang mana satu, yang lepas atau yang akan datang.*” Ada pendapat lain yang menyebut mengenai peristiwa ini mengatakan sebaliknya, iaitu Saidina ‘Umar yang menerima surat daripada Abū Mūsā untuk pembayaran bulan Sya’aban dan Saidina ‘Umar menanyakan persoalan yang sama. Hurmuzan, Raja al-Ahwaz yang ditawan dalam peperangan Fars berada dalam tawanan Saidina ‘Umar. Beliau berkata: “*Orang ‘Ajam mempunyai takwim mereka yang dipanggil mah roz.*” Rentetan daripada itu, Saidina ‘Umar berkata: “*Ajarlah manusia tentang masa ( ta’rīkh) kerana dengan itu mereka boleh mengatur urusan perniagaan mereka dengan baik.*” Dari perkataan inilah diarakkan menjadi *mu’ārikh* dari kata akar *ta’rīkh*. Setelah berbincang, orang-orang Islam mengambil tahun penghijrahan Nabi Muhammad saw sebagai permulaan takwim Hijrah. Oleh itu permulaan penggunaan tahun Hijrah dikuatkuasakan pada tahun ke-17 Hijrah. Lihat Effat al-Sharqawi, *Filsafat Kebudayaan Islam*, (Bandung: Penerbit Pustaka), 260.

<sup>132</sup> Wan Yahya Wan Ahmad, *Pensejarahan Awal Islam*, (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1992), 12.

Namun demikian, masih ada dokumentasi yang boleh dianggap sebagai bahan sejarah dan sangat berguna kepada pengkaji dan penulis sejarah yang kemudian. Bahan-bahan yang dimaksudkan ini termasuklah surat-surat Rasulullah saw dan para khalifah yang dikirim kepada pembesar negara jiran dan para pegawainya, perjanjian-perjanjian seperti perjanjian Hudaibiyah dan Piagam Madinah yang termasyhur itu serta catatan-catatan sejarah yang lain. Begitu juga ayat-ayat al-Quran yang diturunkan penuh mengandungi cerita silam, kisah-kisah nabi terdahulu serta peristiwa umat masa lampau.

133

Kemudian dengan kelahiran kerajaan Bani ‘Umayyah, maka bermulalah era baru kepada perkembangan sejarah Islam. Hal ini berikutan dengan perubahan sistem pemerintahan daripada sistem khalifah kepada sistem beraja secara warisan. Ilmu pengetahuan mula berkembang dengan pesatnya dan seiring dengan keadaan tersebut serta kerjasama yang baik daripada pihak pemerintah, maka lahirlah bidang-bidang pengajian yang lebih khusus seperti pengajian sejarah (*madrasah al-tārīkh*), pengajian hadis (*madrasah al-hadīth*) dan juga pengajian fiqh (*madrasah al-fiqh*).<sup>134</sup>

Seterusnya penulisan sejarah berkembang dengan lebih baik pada zaman pemerintahan ‘Abbasiyyah seiring dengan perkembangan ilmu-ilmu yang lain. Minat yang tinggi terhadap ilmu pengetahuan di kalangan sebahagian pemerintah ketika itu menjadi faktor pendorong ke arah wujudnya aktiviti-aktiviti keilmuan. Manakala di kalangan para sejarawan juga telah menghasilkan karya-karya yang bermutu sifatnya.<sup>135</sup>

---

<sup>133</sup> *Ibid*

<sup>134</sup> *Ibid.*, 18.

<sup>135</sup> Antaranya ialah ‘Abdullah bin Abu Bakar Bin Hazm (sekitar tahun 130-135 H/747-752 M) dengan catatannya berkenaan al-Maghāzī yang banyak dijadikan rujukan oleh Ibn Ishaq dan al-Waqidi, Musa bin Uqbah (141 H/758 M) yang banyak menuliskan sejarah hidup Rasulullah saw dan diakui keabsahannya oleh Imam Malik, Muhammad Bin Ishaq (151 H/768 M) yang terkenal dengan gelaran Ibn Ishaq. Lihat *ibid.*, 15.

Sementara itu, pada zaman kedua ‘Abbasiyyah (232-447 H), lahir pula sejarawan-sejarawan muda yang lain dengan karya-karya mereka yang didapati semakin berkualiti. Antaranya ialah al-Yaqubi (284 H/897 M) dengan bukunya yang terkenal *al-Tarikh al-Yaqubi*<sup>136</sup> dan *al-Buldan*.

Seterusnya, pensejarahan Islam semakin berkembang dan mempengaruhi pensejarahan dunia Islam yang lain terutamanya dari Asia Barat, seperti Parsi, India dan kepulauan Melayu keseluruhannya. Di kepulauan Melayu khususnya, hampir keseluruhan pensejarahan yang yang diketahui, terdapat sedikit sebanyak yang memperlihatkan pengaruh daripada pensejarahan Islam itu sendiri. Begitu juga Islam membawa perubahan yang amat menarik dinamik kepada perkembangan kesusateraan Melayu dengan penghasilan karya-karya sama ada berbentuk prosa dan juga puisi. Antara karya-karya tersebut adalah seperti *Hikayat Nur Muhammad* dan *Hikayat Nabi Bercukur* yang dikarang untuk menanamkan kecintaan dan penghormatan kepada Nabi Muhammad saw, karya Nur al-Din al-Raniri seperti *Hujjat al-Siddiqi li Daf’il Zindiq* dan karya Raja Ali Haji iaitu *Tuhfat al-Nafis*.<sup>137</sup>

Menurut Arba’iyah Mohd Noor, pensejarahan Islam ialah penulisan atau catatan sejarah selepas Islam bertapak di bumi Arab yang disampaikan oleh para sahabat, tabiin, berhubung peristiwa-peristiwa sejak dari keputeraan Nabi Muhammad s.a.w, iaitu mengenai penyebaran Islam, peperangan, kewafatan baginda dan sebagainya. Ianya berbeza dengan pensejarahan sebelum Islam kerana pensejarahan sebelum Islam lebih tertumpu kepada catatan tentang nasab keluarga.<sup>138</sup>

---

<sup>136</sup> Merupakan suatu bentuk penulisan yang merujuk kepada pemerintahan dan kebanyakannya menerangkan riwayat hidup pemerintah atau khalifah berhubung dengan perantaraan dan pemerintahannya. Selain itu, ia juga banyak menekankan soal-soal moral dan etika khalifah.

<sup>137</sup> Tuhfat al-Nafis dianggap oleh R.O. Winstedt sebagai karya pensejarahan Melayu yang terbaik selepas *Sejarah Melayu*. Ini kerana Tuhfat al-Nafis yang dikarang oleh Raja Ali Haji dikatakan mengandungi kesedaran yang jelas daripada pengarangnya, iaitu mengenai keperluan sesuatu pensejarahan itu ditulis dengan benar berdasarkan sumber-sumber yang berkaitan.

<sup>138</sup> *Ibid*

Sejarah kerasulan Nabi Muhammad s.a.w. merupakan antara sejarah yang penting bagi umat Islam. Allah s.w.t telah membekalkan baginda ilmu pengetahuan yang banyak untuk melayakkannya menjadi pemimpin yang bijaksana dan menjadi contoh ikutan serta model yang sempurna. Benarlah seperti ayat suci al-Quran yang bermaksud:

يَتَأْتِيهَا النَّاسُ فَمَا جَاءَكُمْ الرَّسُولُ بِالْحَقِّ مِنْ رَبِّكُمْ فَآمِنُوا خَيْرًا لَكُمْ

Surah An-Nisaa' (4):170

*Terjemahan: Wahai manusia, Sesungguhnya Telah datang Rasul (Muhammad) itu kepadamu dengan (membawa) kebenaran dari Tuhanmu, Maka berimanlah kamu, Itulah yang lebih baik bagimu.*

Segala ilmu yang tercatat dal al-Quran terutamanya berkenaan peristiwa-peristiwa lalu yang diturunkan kepada baginda melalui wahyu Allah s.w.t akhirnya menjadi pengajaran kepada umat manusia sepanjang zaman.

Agama Islam amat menekankan tentang kebenaran kronologi sama ada dari segi tahun, bulan dan hari sesuatu peristiwa itu berlaku. Bermula dengan perpindahan Nabi Muhammad s.a.w dari Mekah ke Madinah. Oleh itu masyarakat Islam menjadikan peristiwa perpindahan Nabi Muhammad s.a.w itu sebagai detik bermulanya tahun Hijrah. Kalendar Islam telah diperkenalkan oleh Sayidina Umar al-Khattab ketika pemerintahannya dengan menggunakan tahun Hijrah sempena sejarah perpindahan Nabi Muhammad s.a.w.<sup>139</sup>

Al-Quran sendiri merupakan sumber yang bernilai kerana di dalamnya penuh dengan sejarah manusia, penceritaan tentang personaliti dan akhlak Nabi Muhammad s.a.w. dan segala kisah yang berkaitan dengan kehidupannya. Walaubagaimanapun,

---

<sup>139</sup> Majid Ali Khan, *The Pious Calips*, (Safat:Islamic Book, 1987), 118.

tiada bukti yang kukuh menunjukkan sejarah Islam ditulis pada zaman Rasulullah s.a.w kerana beberapa faktor.<sup>140</sup>

Setelah baginda wafat, para sahabat merasakan amat penting jika dikumpulkan segala bahan yang mempunyai nilai yang cukup besar bagi generasi seterusnya. Dokumen-dokumen tersebut termasuklah surat-surat yang dikirimkan oleh Rasulullah kepada raja-raja atau pembesar-pembesar negara jiran, surat perjanjian seperti Perjanjian Madinah, Perjanjian Hudaibiyah, al-Quran yang ditulis oleh sahabat baginda, hadis-hadis dan sebagainya.<sup>141</sup>

Rentetan daripada itu, al-Quran yang telah di bukukan telah menceritakan akan kebenaran segala kisah yang telah berlaku pada masa lalu dan disampaikan kepada Nabi agar umatnya faham akan apa yang ingin disampaikan di dalam al-Quran. Kisah-kisah dalam al-Quran juga dapat memperbetulkan segala kisah dongeng Arab yang disampaikan oleh penyair-penyair Arab jahiliyah. Di samping itu juga, ia dapat melatih sejarawan muslim agar menulis segala fakta daripada sumber-sumber yang benar dan tepat sahaja serta mencontohi akhlak *mahmudah* Rasulullah s.a.w yang sentiasa berkata benar dalam semua perkara.

#### **5.4 Pensejarahan Alam Melayu**

Proses pengkajian dan penyusunan sejarah di Alam Melayu secara serius dan penuh ketelitian agak lewat sedikit berbanding di Barat, iaitu pada sekitar abad ke-19. Ini bukan bermakna rantau Melayu tidak mempunyai karya-karya sejarah sebelum kurun ke-19, tetapi disebabkan kurangnya kesedaran dan kefahaman yang tinggi dan

---

<sup>140</sup> Antara faktornya ialah Nabi Muhammad s.a.w. dan para sahabat sibuk menjalankan tugas membuka wilayah-wilayah baru dan menyampaikan Islam di merata tempat.

<sup>141</sup> Majid Ali Khan, *The Pious Calips*, (Safat:Islamic Book, 1987), 119.

mendalam di kalangan masyarakat Melayu terhadap kepentingan pengkajian pada ketika itu.<sup>142</sup>

Bab ini hanya akan memfokuskan perbincangan mengenai pensejarahan Melayu secara ringkas sahaja. Pensejarahan tradisi menurut Muhd Yusof Ibrahim dapat dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu pensejarahan negeri-negeri yang terdiri daripada babad sesebuah negeri ataupun salasilah raja-raja dan pembesar-pembesar, biografi atau riwayat hidup tokoh-tokoh tempatan, pensejarahan agama terutama negara dan kerajaan Islam, pensejarahan sosiopolitik dan ekonomi, pensejarahan peperangan, pensejarahan berbentuk budaya dan segala catatan perjalanan.<sup>143</sup>

Pensejarahan tradisi adalah subjektif, malah daif sekiranya dibandingkan dengan pensejarahan moden yang dianggap bersifat objektif dan kritis itu. Penulis- penulis sejarah pada ketika itu bebas membuat tafsiran tersendiri terhadap segala peristiwa yang diungkapkan, kerana tiada larangan atau tindakan yang dikenakan terhadap mereka walaupun karya-karya mereka ditokok tambah dengan unsur-unsur mitos, lagenda, dongengan, keperwiraan, kepercayaan karut dan sebagainya. Oleh sebab itu, peristiwa yang dimuatkan tidaklah semestinya dianggap sebagai peristiwa-peristiwa yang benar-benar berlaku.<sup>144</sup>

Motif utama para penulis sejarah pada ketika itu adalah untuk menggembirakan hati raja-raja pada ketika itu, dengan pemilihan peristiwa-peristiwa yang menjadi kesukaan iaitu seperti peperangan atau kisah-kisah kepahlawanan yang meninggikan

---

<sup>142</sup> Muhd Yusof Ibrahim, *Pensejarahan Melayu 1800-1960*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997) , xii

<sup>143</sup> *Ibid.*, xiv.

<sup>144</sup> Muhd Yusof Ibrahim dan Mahayudin Haji Yahaya, *Sejarawan dan Pensejarahan: Ketokohan dan Karya*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988) hlm. 3 dan lihat juga Mohd Taib Osman, *Kesusasteraan Melayu Lama*, (Kuala Lumpur : Federal Publications Sdn. Bhd., 1974), 40-41, juga terdapat dalam penulisan Arba'iyah Mohd Noor, *Ilmu Sejarah dan Pensejarahan*, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002), 107.



semangat keperwiraan dan memenuhi perintah raja yang mahukan jasa dan sumbangan mereka turut dikenang oleh generasi seterusnya.<sup>145</sup>

Antara yang karya sejarah paling awal dan tertua yang ditemui di Alam Melayu ialah *Hikayat Raja-raja Pasai*<sup>146</sup>, dan *Sejarah Melayu*<sup>147</sup> yang masih menjadi tanda tanya sehingga hari ini. *Bustan al-Salatin (Bustan al-Salatin fī dhikr al-awwālin wa-akhirīn)* atau Taman Raja-raja dan Menyatakan Permulaan Segala Kejadian dan Kesudahannya.<sup>148</sup>

Jelasnya, Hikayat Raja-raja Pasai merupakan sebuah karya yang melambangkan zaman awal penulisan kesusasteraan Melayu berunsur sejarah di Pasai. *Sejarah Melayu* pula mewakili zamannya dalam penulisan kesusasteraan Melayu Melaka berunsur sejarah, manakala *Bustan al-Salatin* merupakan karya yang menggambarkan betapa besarnya kejayaan yang dicapai oleh Kerajaan Aceh dalam bidang bahasa dan penulisan kesusasteraan Melayu berunsur sejarah.<sup>149</sup>

Kegiatan kesusasteraan dan bahasa juga berkembang hebat berikutan timbulnya kesedaran intelektual yang berlaku. Karya-karya sastera sejarah berbahasa Melayu-Jawi banyak dihasilkan oleh tokoh-tokoh awal di Alam Melayu. Selepas kedatangan Islam, bahasa Melayu telah memainkan peranan yang penting sebagai *lingua franca*

---

<sup>145</sup> *Ibid.*, 108.

<sup>146</sup> Seseengah sejarawan berselisih pendapat mengenai tarikh karya itu ditulis. Misalnya, Winstedt menyatakan bahawa kemungkinan karya ini telah dikarang pada akhir abad ke-14 atau awal abad ke-15 dan terdapat beberapa isi kandungannya ada dalam Sejarah Lihat Arba'iyah Mohd Noor (2002), *ibid.*, hlm. 109. Melayu.R.Roolvink pula berpendapat bahawa penulis Sejarah Melayu telah membaca hikayat ini dan menjadikannya sebagai sumber rujukan. Lihat Roolvink, R., , Hikayat Raja- raja Pasai, dalam *Bahasa dan Budaya*, Tahun II, No.3, Februari 1954) , 3. Menurut Tatiana A.Denisova di dalam bukunya yang bertajuk *Refleksi Historiografi Alam Melayu* jangka waktunya kira-kira dari tahun 1280-1400 M atau dari tahun 680-800 H.Lihat Tatiana A.Denisova, *Refleksi Historiografi Alam Melayu*, 7.

<sup>147</sup> Karya ini dikatakan telah ditulis pada zaman Empayar Melayu Melaka sebelum empayar Melaka ditawan oleh Portugis pada tahun 1511. Sejarah Melayu turut memaparkan gambaran tentang cara hidup, susun lapis, dan budaya masyarakat Melaka. Terdapat juga unsur-unsur mitos, dan lagenda yang menjadikan seseengah sejarawan Barat seperti J.C.Bottoms, Winstedt dan Wilkinson cuba menolak karya Sejarah Melayu sebagai karya yang mempunyai unsur sejarah.Lihat A.Samad Ahmad (peny.), *Sulalatus Salatin* (Sejarah Melayu), (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996), 14.

<sup>148</sup> Dikarang oleh seorang ulama yang terkenal iaitu Syeikh Buruddin al-Raniri seorang yang berketurunan Quraish yang telah dilahirkan di India. Lihat Siti Hawa Salleh (peny.), *Bustan al-Salatin*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka,1992), Ix. Isi kandungan yang terdapat karya ini, dikatakan telah menyadur sedikit sebanyak kandungan daripada *Sejarah Melayu* dan *Taj al-Salatin* ke dalam karyanya.

<sup>149</sup> Zainal Abidin Abdul Wahid, "Sejarah Melayu", dalam *Dewan Bahasa*, 18 Mei 1974, 221.

menggantikan bahasa Jawa dan bahasa Sanskrit semasa agama Hindu dan Buddha menapak di Gugusan Kepulauan Melayu. Penterjemahan ayat-ayat al-Quran juga dilakukan buat pertama kalinya ke dalam Bahasa Melayu disertai dengan syarahnya. Maka dengan itu, bermulalah revolusi pandangan hidup dan dasar kebudayaan orang Melayu menjadi tamadun yang membanggakan.<sup>150</sup>

Walaupun tiada bentuk penulisan lengkap yang melibatkan pengamatan atau analisis khusus terhadap perkembangan karya sejarah Melayu sebelum abad ke-20 berbanding dengan karya sejarah Barat, namun pada sekitar awal abad ke-20 telah berlaku suatu transformasi terhadap pengkajian sejarah secara teratur dan sistematis.

## **5.5 Konsep Objektif dan Subjektif dalam Penulisan Sejarah**

Para sejarawan sering berbahas tentang elemen yang terdapat dalam kajian sejarah dan perbahasan ini berterusan dari semasa ke semasa, antaranya hal yang berkaitan dengan sumber, kritikan, cara penulisan dan sebagainya. Hal ini bertujuan supaya kebenarannya dapat dicari dan mampu menghasilkan penulisan atau kajian yang tepat. Oleh itu, timbullah persoalan objektif dan subjektif dalam kajian sejarah.

### **5.5.1 Konsep Objektif**

Ranke merupakan pengasas bagi penulisan sejarah yang berkonsepkan objektif pada abad ke-19. Beliau menyatakan bahawa penulisan sejarah mampu untuk menegakkan kebenaran objektif dengan memaparkan secara tepat tentang kejadian masa lampau.<sup>151</sup> Konsep objektif merupakan satu konsep yang cuba untuk mempersembahkan kajian sejarah yang tepat, yakni tiada penambahan atau *bias* dan sebagainya. Ia didasarkan kepada fakta atau sumber utama yang boleh dipercayai.

---

<sup>150</sup> Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, (Petaling Jaya: Angkatan Belia Islam Malaysia, 1990), 45.

<sup>151</sup> P. Geyl, *Debates with Historians*, (London: Oxford University Press, 1962), 9.

Menurut Kamus Dewan objektif bermaksud kenyataan yang berasaskan fakta yang sebenarnya yang tidak dikuasai atau dipengaruhi oleh perasaan atau prasangka sendiri.<sup>152</sup> Gottschalk menyatakan bahawa objektif adalah untuk memperoleh pengetahuan yang tidak memihak dan benar serta bebas daripada reaksi peribadi seseorang.<sup>153</sup> Manakala bagi Sartono Kartodirjo<sup>154</sup> pula, kajian sejarah yang objektif menunjukkan kepada kejadian atau peristiwa itu sendiri iaitu proses sejarah dalam keadaan yang sebenarnya berlaku di samping disandarkan kepada tujuan atau sasaran sejarah itu dikaji. Bahkan, ia juga dilihat lebih kontroversi dan memerlukan perbincangan yang lebih luas dan mendalam.

Ibn Khaldūn pula dalam karya teragung, *Muqaddimah*, telah mengkritik beberapa karya sarjana Islam sebelumnya kerana menyimpang dari lunas sejarah di samping mementingkan penemuan kebenaran sesuatu catatan atau maklumat. Beliau juga melihat bahawa pentingnya prinsip penilaian yang melibatkan pemikiran kritis dalam kaedah penyelidikan bagi menentukan kebenaran sejarah.<sup>155</sup> Menurut beliau lagi, sikap yang terlalu bergantung kepada sumber yang diperoleh dan kegagalan dalam memahami sumber kerana kesamaran dan kerumitan juga menyebabkan konsep objektif itu tidak dapat dikekalkan.<sup>156</sup>

Pengumpulan fakta merupakan langkah pertama dalam usaha menulis karya sejarah yang objektif. Ini kerana gambaran atau interpretasi yang akan dikemukakan oleh ahli sejarah dibuat berpandukan kepada fakta-fakta yang diperolehinya.<sup>157</sup> Selain itu, kegagalan untuk mengetahui keseluruhan realiti sesuatu peristiwa itu tidak akan

---

<sup>152</sup> Noresah Baharom et. al. (eds.), *Kamus Dewan Edisi Keempat*, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 939.

<sup>153</sup> Louis Gottschalk, *Understanding History: A Primer of Historical Method*, 2<sup>nd</sup> ed, (New York: Alfred a Knopf, 1969), 42.

<sup>154</sup> Sartono Kartodirjo, *Pendekatan Ilmu Sosial dalam Metodologi Sejarah*, (Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama, 1993), 15.

<sup>155</sup> Khadijah Mohd Hambali, "Pemikiran Ibn Khaldūn dan Relevansinya dengan Islam Hadhari dalam Konteks Ketamadunan, Budaya dan Agama di Malaysia", dalam *Prosiding Ibn Khaldūn: Pemikiran Ibn Khaldūn dan Relevansinya dalam Tamadun Kontemporari*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 9-10 Mei 2006, 110.

<sup>156</sup> Ishak Saat, *Penulisan Sejarah*, (Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd., 2010), 100.

<sup>157</sup> Ishak Saat, *Ilmu Sejarah antara Tradisi dan Moden*, (Shah Alam: Karisma Publications Sdn Bhd., 2007), 10.

menjejaskan pengetahuan ahli sejarah tentang sesuatu peristiwa itu. Begitu juga dengan pandangan yang berbeza di kalangan ahli-ahli sejarah, tidak boleh dikatakan bahawa sejarah itu tidak bersifat objektif.<sup>158</sup>

### 5.5.2 Konsep Subjektif

Kajian sejarah yang berkonsepkan subjektif adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan. Hal ini kerana lazimnya sejarawan yang melakukan kajian akan mentafsir bahan-bahan yang diperolehnya melalui tafsirannya sendiri. Tafsiran daripada kefahaman yang berbeza inilah yang menjadikan konsep subjektif itu begitu ketara dalam kajian atau penulisan sejarah.<sup>159</sup>

Sejarawan Barat yang berpegang kepada konsep ini antaranya ialah Benedetto Croce, Arnold Toynbee, R.G.Collingwood, R.G.Robinson dan Charles A.Beard. Golongan ini berpendapat sejarah sebagai suatu kajian penyelidikan yang dilakukan oleh sejarawan dan sejarah itu berbeza.<sup>160</sup>

Namun begitu, pandangan subjektif dalam sejarah tidak bermakna seseorang sejarawan itu tidak berlaku jujur. Ini harus diakui bahawa subjektif dalam sejarah tidak dapat dielakkan kerana pendirian dan pegangan para sejarawan sendiri berbeza antara satu sama lain. Kemahiran meneliti dan membaca sumber diperlukan disamping memastikan sumber-sumber yang diperolehi itu tulen dan jelas kebenarannya.<sup>161</sup>

Kemahiran yang dimaksudkan disini termasuklah dapat memahami bahasa pada sumber yang ditemui terutamanya sumber yang bertulis. Ini kerana kebanyakan sumber

---

<sup>158</sup> K.Anbalakan, "Objektiviti dalam Sejarah: Bukan Satu Impian", dalam Abu Talib Ahmad dan Cheah Boon Kheng (peny.), *Isu-isu Pensejarahan*, (Pulau Pinang : Universiti Sains Malaysia, 1995) , 47.

<sup>159</sup> Muhd Yusof Ibrahim, *Ilmu Sejarah: Falsafah, Pengertian dan Kaedah*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000), 221.

<sup>160</sup> Ishak Saat, *Ilmu Sejarah antara Tradisi dan Moden*, (Shah Alam:Karisma Publications Sdn Bhd., 2007), 101.

<sup>161</sup> R.Suntharalingam, *Pengenalan Kepada Sejarah*, (Kuala Lumpur: Marican & Sons (M) Sdn. Bhd., 1985), 41.

yang ditemui adalah berbeza zamannya dan bahasa yang digunakan yang berubah mengikut peredaran zaman.

Oleh itu, kepelbagaian ilmu dituntut terhadap para sejarawan agar penulisan karya yang berkualiti dapat dihasilkan. Tambahan pula konsep subjektif ini turut meliputi bentuk-bentuk penulisan sejarah yang lain termasuklah politik, sosial, budaya, ekonomi, dan sebagainya.<sup>162</sup>

## 6. KESIMPULAN

Ringkasnya, sejarah merupakan salah satu cabang ilmu pengetahuan. Semua peristiwa masa lampau yang menjadi inti pati cerita sejarah itu sungguh-sungguh terjadi dan dapat dibuktikan kebenarannya. Walaupun adakalanya dalam penulisan sejarah sejarah terdapat unsur retorik atau imaginasi dan melibatkan daya kreativiti penulis, namun tulisan sejarah tidak boleh dianggap rekaan semata-mata kerana ilmu sejarah itu ialah wacana yang berasaskan bahan bukti yang boleh diuji akan kebenarannya.

Oleh yang demikian, penulis memilih *Majalah Guru* sebagai subjek kajian supaya penulis dapat melihat penulisan sejarah yang bagaimana digunakan oleh penulis majalah tersebut. Kajian diskopkan pada tahun 1924-1929 yang mana merupakan kebangkitan kesedaran sejarah pada ketika itu.

---

<sup>162</sup> Ibn Khaldūn (terj.), *Mukadimah Ibn Khaldun*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995) , 543.